

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS

PADA 12 OKTOBER 2004
bersamaan
27 SYAABAN 1425

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 12 OKTOBER 2004**

**Hari Selasa,
12 Oktober 2004**

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 1]
2. Doa. [Muka 5]
3. Ucapan Yang Di Pertua. [Muka 5]
4. Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan. [Muka 7]
5. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - 5.1 *Soalan-soalan Bertulis* [Muka 9]
 - 5.2 *Soalan-soalan Lisan* [Muka 10]
7. Usul-usul Yang Telah Diberi Notis:
 - 7.1 *Tambahan Peruntukan Yang Pertama 2004 Kumpulan Wang Pembangunan 1966.* [Muka 39]
8. Rang Undang-Undang:
 - 8.1 *Enakmen Perbekalan Tambahan (2004) (No.1) 2004.* [Muka 40]
9. TANGGUHAN [Muka 63]
10. **LAMPIRAN A** [Muka 64]
[Soalan Bagi Jawapan Bertulis]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DI PERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Encik Rosol bin Wahid, SMT.,PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Encik Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Haji Mohd Jidin bin Shafee, AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Encik Asha'ari bin Idris
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawī bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Encik Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Haji Azmi bin Moktar, AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Di Pertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA DEWAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi kita bertemu di dalam persidangan pada pagi ini.

Persidangan kali ini, Dewan Undangan Negeri telah kehilangan seorang ahli iaitu Allahyarham Y.B. Encik Komaruddin bin Abd. Rahman, Wakil Kuala Berang yang kembali Kerahmatullah pada hari Jumaat, 30 Julai 2004. Saya memohon dan meminta kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat semua yang beragama Islam yang ada di dalam Dewan ini sama-sama menghadihkan bacaan Al-Fatihah semoga roh Allahyarham di tempatkan bersama-sama roh orang-orang yang soleh:

[Al-Fatihah]

Terima kasih. Juga diucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham, semoga keluarganya sentiasa mendapat perlindungan daripada Allah s.w.t.

Setelah kita melipati lembaran sejarah, "Yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti" dan saya mengambil kesempatan pada pagi ini mengalu-alukan Anggota Dewan Undangan Negeri yang baru serta mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail yang telah berjaya memenangi Pilihanraya Kecil bagi Kawasan Kuala Berang yang telah diadakan pada 28 Ogos, 2004. Manakala Upacara Angkat Sumpah sebagai Wakil Rakyat telahpun dilangsungkan pada 16 September, 2004 bertempat di Pejabat Dewan Undangan Negeri Terengganu. Semoga dengan kemenangan Yang Berhormat, akan melengkapkan serta memantapkan lagi jentera Kerajaan hari ini.

Hari ini 12 Oktober 2004, adalah merupakan Mesyuarat Yang Kedua Bagi Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas. Saya sekali lagi ingin mengingatkan bahawa sesi untuk Soalan Lisan ialah selama satu jam sahaja dan saya telah menerima sebanyak dua belas (12) notis Soalan-soalan Lisan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Tertib seterusnya ialah Pembentangan Usul Tambahan Peruntukan Akta Kumpulan Wang Pembangunan dan juga Rang Enakmen Perbekalan Tambahan (2004)(No.1) Tahun 2004.

Saya mengharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat mematuhi dan menghormati Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri semoga kita dapat menyelesaikan Tertib-tertib Pekerjaan sebagaimana yang telah ditetapkan dan juga Dewan Undangan Negeri yang mulia terus terpelihara.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.1) 2004
Perbelanjaan 2004.
(D.U.N. Bil.5/2004)
2. Peruntukan Tambahan Anggaran Perbekalan Tahun
(2004) (No.1) 2004.
(D.U.N. Bil.6/2004)
3. Penyata Kewangan Tahun 2002 Majlis Daerah Dungun.
(D.U.N. Bil.7/2004)
4. Penyata Kewangan Tahun 2002 Kumpulan Wang
Pembangunan Hutan Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.8/2004)
5. Penyata Kewangan Tahun 2003 Kumpulan Wang
Pembangunan Hutan Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.9/2004)
6. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2001
Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.10/2004)
7. Penyata Kewangan Tahun 2001 Majlis Daerah Marang.
(D.U.N. Bil.11/2004)
8. Penyata Kewangan Tahun 2002 Majlis Daerah Marang.
(D.U.N. Bil.12/2004)
9. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2000
Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.
(D.U.N. Bil.13/2004)

10. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2002 Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA).
(D.U.N. Bil.14/2004)
11. Penyata Tahunan Tahun 2003 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.15/2004)
12. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2002 Lembaga Muzium Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.16/2004)
13. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002 Bagi Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.17/2004)
14. Memorandum Pejabat Kewangan Negeri Mengenai Laporan Ketua Audit Negeri Ke Atas Penyata Akaun Negeri Bagi Tahun 2002.
(D.U.N. Bil.18/2004)
15. Keistimewaan Bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (Seksyen 5 Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980).
(D.U.N. Bil.19/2004)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

- (1) Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali
(Wakil Kemasik)
- (2) Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
(Wakil Rhu Rendang)
- (3) Y.B. Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri
(Wakil Bukit Tunggai)
- (4) Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib
(Wakil Manir)
- (5) Y.B. Encik Asha'ari bin Idris
(Wakil Langkap)
- (6) Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
- (7) Y.B. Haji Ramlan bin Ali
(Wakil Jabi)
- (8) Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad
(Wakil Pengkalan Berangan)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya telah menerima Soalan-soalan Lisan daripada dua belas (12) Ahli-ahli Yang terhormat yang telah memberi notis mengemukakan Soalan-soalan Lisan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, Wakil Kemasik mengemukakan soalan-soalannya.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Dato' Yang Di Pertua, saya mohon izin mewakili Yang Berhormat Kemasik yang berada di Makkah untuk mengerjakan Umrah. Soalan nombor satu, Dato' -

Di Terengganu belum terdapat sistem pelupusan sampah yang baik sehingga menimbulkan masalah kepada banyak pihak. Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menangani masalah tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan sedang mengkaji beberapa sistem pelupusan sampah selain daripada kaedah yang dipakai sekarang ini iaitu 'Sanitary Landfill'. Antaranya ialah pembinaan Kilang Kitar Semula Sisa Pepejal dengan penghasilan tenaga elektrik dari sisa pepejal berkenaan. Yang kedua, Sistem Rawatan dan Pelupusan Sisa Pepejal secara kitar semula yang boleh menghasilkan baja dan sebagainya. Namun demikian, beberapa kaedah baru akan dikenalpasti sebelum keputusan muktamad dibuat. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah kesudahannya pernah suatu ketika dahulu 'Incinerator' yang pernah dibeli dan kegunaannya sehingga sekarang ini, menfaat yang diperolehi daripada usaha untuk pelupusan sampah sehingga sekarang?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, 'Incinerator' yang sedia ada itu tidak boleh digunakan lagi dan kalau dibaikpulihan memerlukan kos yang begitu tinggi. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Berapa kos yang dibeli pernah suatu ketika dulu dan berapakah anggaran kerugian hasil daripada pembelian tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, kos dibeli ketika itu berjumlah kira-kira RM10 juta tetapi anggaran kos kerugian dan pembaikan tidak dapat dinyatakan sekarang dan memerlukan notis. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor dua -

Sila sebutkan Program Pembangunan Usahawan yang telah dilaksanakan Kerajaan Negeri, khususnya bagi golongan penjaja?

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, antara program yang telah dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) bagi membangunkan usahawan khususnya penjaja di negeri Terengganu adalah melalui kemudahan pembiayaan. Terdapat dua (2) skim pinjaman yang telah dilaksanakan bagi membantu penjaja kecil iaitu Skim Pinjaman Kecil (SPK) dan Skim Pinjaman Peniaga Pasar Malam (SPPPM). SPK diwujudkan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM2,000.00 seorang. Tempoh bayaran balik selama 12 bulan dengan bayaran ansuran sebanyak RM170.00 sebulan selama 11 bulan dan bulan terakhir iaitu bulan ke-12 sebanyak RM130.00. Kumpulan sasaran bagi skim ini adalah peniaga-peniaga kecil di seluruh negeri Terengganu dan seramai 140 peminjam telah mendapat kemudahan pembiayaan sehingga kini. Sementara SPPPM pula telah diwujudkan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM500.00 seorang. Kaedah bayaran balik yang ditentukan adalah lima (5) kali bayaran. Kumpulan sasaran yang mendapat kemudahan pembiayaan ini terdiri daripada peniaga Pasar malam yang menjadi ahli Persatuan Peniaga-Peniaga Melayu Pasar Malam Daerah Kuala Terengganu. Seramai 37 peminjam telah memperolehi kemudahan pembiayaan ini yang dijamin sepenuhnya oleh Persatuan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Nampaknya jawapan yang diberi itu tidak tepat sekadar menyebutkan skim pinjaman, itupun dibuat semasa PAS memerintah tidak ada perkara baru. Yang disoalnya ialah Program Pembangunan Usahawan bukan skim pinjaman, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Di Pertua, Program Pembangunan Usahawan ialah berkait rapat dengan membantu usahawan dan membantu usahawan adalah dengan membiayai pembiayaan dan ini adalah berkait dengan soalan yang telah dikemukakan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Ialah salah satunya mungkin tetapi soal bila disebut perkataan Program Pembangunan Usahawan ia melibatkan kursus-kursus kemahiran, pemasaran dan sebagainya bukan sekadar beri duit, bukan hanya sekadar pinjaman?

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Kalau Yang Berhormat Wakaf Mempelam ingin tahu tentang kursus – Sepanjang tahun 2003 sebanyak 7 kursus yang telah merangkumi 245 orang, tahun 2004 lima 5 kursus yang merangkumi 200 orang dan kursus-kursus yang telah dibuat adalah seperti:

- i. Bengkel Pentadbiran Perniagaan
- ii. Kursus Pengurusan Kewangan
- iii. Kursus Pemasaran Produk
- iv. Kursus Motivasi Keusahawanan
- v. Bengkel Pengurusan Pelanggan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itu betul, terima kasihlah. Ini duduk cerita hal 2003 semua masa PAS memerintah dulu. Terima kasihlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Dato' Yang Di Pertua, soalan no. 3 –

Ketika pemerintahan Pas pembangunan di Tasik Kenyir telah terabai. Apakah usaha yang diambil Kerajaan Negeri dalam membangunkan semula Tasik Kenyir sebagai Pusat Pelancongan terulung di negeri ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selaras dengan dasar Kerajaan Negeri yang memberi penekanan kepada aktiviti pelancongan sebagai aktiviti utama, aktiviti pelancongan di kawasan Tasik Kenyir akan diberi tumpuan. Promosi akan dilaksanakan untuk menjadikan kawasan Tasik Kenyir sebagai pintu masuk ketiga ke kawasan Taman Negara. Dengan tumpuan ini adalah diharapkan Tasik Kenyir akan dibangunkan semula dengan menggunakan kekuatan eko-pelancongan dan alam semula jadi dan ia menjadi tumpuan semula kepada pelancong-pelancong asing.

Pembangunan Kawasan Tasik Kenyir akan diselaraskan di bawah sebuah badan yang akan dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan izin badan yang bernama *Terengganu Riverine Coastal Authority* ataupun Trecosta

dan sejumlah RM88 juta telah diperuntukkan untuk membangunkan kawasan Tasik Kenyir dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri Terengganu.

Agensi Kerajaan yang terlibat seperti Ketengah, Majlis Daerah Hulu Terengganu, Pejabat Daerah Dungun, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi Negeri telah menjadikan pembangunan kawasan Tasik Kenyir sebagai sebahagian daripada agenda utama mereka untuk membangunkan pelancongan di kawasan Tasik Kenyir. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Wakil Rhu Rendang mengemukakan soalan-soalannya.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Sila nyatakan perkembangan terkini Kertas Putih mengenai Pembalakan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pelajar, Pemerhati seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Jawapan untuk soalan yang pertama ialah Kertas Putih Perhutanan yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Khas telahpun disiapkan dan akan dibuat penelitian secara terperinci oleh satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Bolehkah Yang Berhormat melaporkan mereka yang dilibatkan dalam jawatankuasa tersebut dan pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan Kertas Putih tersebut?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua mereka-mereka yang terlibat dengan jawatankuasa khas yang telah dilantik ini ialah mereka-mereka yang berkecuali, tidak menyebelahi mana-mana pihak dan mereka ini adalah mereka-mereka yang profesional dalam bidang yang diberi tugas ini dan mereka yang telah dilantik ataupun mereka yang telah *diappoint* dengan izin Yang Di Pertua untuk menjalankan tugas ini:

- i. Y. Bhg. Tan Sri Dato' Mohamed Yusof bin Mohamed Bekas Hakim Mahkamah Agung (Supreme Court) - Pengerusi
- ii. Y. Bhg. Dato' Dr. Wan Razali bin Wan Mohd Timbalan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
- iii. Y. Bhg. Dato' Dr. Baharuddin bin Haji Ghazali Bekas Ketua Pengarah Perhutanan Malaysia/ Bekas Pengerusi Timber Board
- iv. Prof. Madya Sulong bin Ibrahim Pensyarah Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)
- v. Cik Faridah binti Yusof Peguam Mohd Sofian & Co. - Urusetia

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Soalan tambahan – Bilakah Kertas Putih ini akan dilaporkan kepada umum sekiranya Kerajaan bercadang untuk melaporkan kepada umum?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kertas Putih ini sedang diteliti oleh jawatankuasa yang dipengerusikan sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan insya-Allah kalau tidak ada apa-apa 'aral' kita akan melaporkan kepada rakyat dan melaporkan/membawa perkara ini kepada Dewan untuk kita bahaskan dan diteliti, kali ini melibatkan kepentingan rakyat setelah kajian tersebut selesai, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Di Pertua, soalan yang kedua –

Berapakah jumlah pelajar di institusi pengajian luar negara yang mendapat bantuan Kerajaan Negeri mengikut pecahan negara?

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, adapun jumlah anak-anak Terengganu, pelajar-pelajar Terengganu di institusi pengajian di luar negeri yang mendapat bantuan di Kerajaan Negeri mengikut pecahannya pada sesi 2003/2004 seperti berikut; mereka ini mendapat

pembiayaan daripada Yayasan Terengganu dan juga daripada pembiayaan MAIDAM melalui Dermasiswa, zakat luar negeri.

BIL.	NEGARA	JUMLAH PELAJAR
1.	Mesir	244
2.	Jordan	20
3.	Morocco/Maghribi	1
4.	Indonesia	16
5.	Rusia	6
6.	India	4
7.	Pakistan	15
8.	Syria	73
9.	Yaman	45
10.	Sudan	4
11.	Afrika Selatan	6
12.	United Kingdom	20
	JUMLAH	454

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua – Saya dimaklumkan di U.K. kita ada pelajar lebih daripada 20 orang tapi tadi disebut 20 orang sahaja. Jadi saya rasa mungkin ada penjelasan ataupun pelajar ini tak dapat apa-apa tajaan dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih. Di United Kingdom pelajar yang 20 orang ini dibiayai melalui Dermasiswa MAIDAM (Zakat). Tapi bilangan yang saya dapati daripada Malaysian Tourism Department London ialah 51 orang yang belajar di Wales satu Kolej Islam di Wales yang kesemua 51 orang ini semuanya anak Terengganu, 20 daripadanya ditaja oleh MAIDAM dan 31 orang lagi tidak diPasti kerana tidak ada maklumat yang lengkap yang saya dapati daripada London tapi diberitahu ditaja oleh sebuah syarikat yang ada kaitan dengan negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Adakah benar dakwaan yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar Terengganu yang baru nak ambil kursus-kursus pengajian Islam di luar negara terutamanya di Timur Tengah tidak akan lagi diberi bantuan oleh pihak Yayasan Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Tidak begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Adakah Kerajaan berhasrat untuk mengekalkan angka ataupun menambahkan angka itu?

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Kita sebenarnya untuk memperkasakan pendidikan di negeri Terengganu, lebih ramai anak Terengganu ke luar negeri, lebih baik dari segi produk yang akan datang, insya-Allah dan kita berusaha jika pelajar-pelajar layak, yang terbaik, yang patut kita hantar ke luar negeri tetap kita hantar ke luar negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, itu hanyalah jawapan spontan. Saya katakan tadi, adakah Kerajaan berhasrat maknanya menjadikan dasar?

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dasar. Sekarang inipun untuk ke luar negeri kita ada kriteria dialah dan kita ada GPA untuk Diplamanya – 3.5, 3.0, kita ada dasar begitu dan jika ada pelajar-pelajar yang layak yang dapat kita pertimbang, insya-Allah kita pertimbang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Di Pertua, soalan yang ketiga -

*Apakah kedudukan terakhir kes saman Kerajaan Negeri
berhubung royalti petroleum?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kes ini sedang menunggu untuk ditetapkan tarikh bicara di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Di Pertua, soalan tambahan – Oleh kerana perkara ini didahului oleh perundingan secara politik, adakah perundingan tersebut dilakukan secara politik sebagaimana tindakan dilakukan?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, tidak ada rundingan politik dalam soal Mahkamah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua – Adakah Kerajaan akan meneruskan pembicaraan itu?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, perkara ini akan menimbulkan *subjudice* berasaskan perkara 262(g) kerana ianya masih dalam proses Mahkamah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tidak timbul soal *prejudice*, sama ada kita nak teruskan ataupun tidak bukan soal *prejudice*. Tak faham perkataan 'prejudice'kah?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Di Pertua, yang faham amat sangat kerana ini sebagaimana saya sudah jawab tadi, akan ditetapkan bicara di Mahkamah lepas itu kita tunggulah. Mahkamah tidak tetap lagi tarikh, tunggu bicara dululah, takkan Lawyer tidak tahu, baham-rambang sungguh (Dewan Gelak dan Tepukan)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Pasal Lawyer tahulah Lawyer tanya, sama ada nak teruskan ataupun tidak. Kalau tak reti bicara, tak reti Mahkamah itu jawapannya tu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kes ini sedang menunggu untuk ditetapkan tarikh bicara di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Tunggu bicaralah, lepas itu kita buat keputusan seterusnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dok faham lagi?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ah! Susah jugak ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia kaedah kes sivil dia boleh tarik balik, boleh tak tarik balik oleh pihak-pihak yang terlibat. Saya tanya adakah kes ini akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu, itu saja?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, ini andaian Wakil Rakyat Batu Burok, boleh tarik tak tarik, itu andaian dia. Yang kita jelaskan sekarang tunggu tarikh bicara itu saja, biar Mahkamah buat keputusan dulu. Ini nak main politik pulak dah hal undang-undang ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Encik Asha'ari bin Idris, Wakil Langkap mengemukakan soalan-soalannya.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor satu –

Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengisikan tapak-tapak kawasan industri yang telah lama terbiar?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan akan terus mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian di seluruh negeri Terengganu kepada pelabur-pelabur sama ada di dalam dan mahupun di luar negara. Usaha dijalankan melalui penyertaan misi promosi, ekspo, edaran brosyer dan risalah, serta melalui kaedah penjualan langsung kepada pelabur-pelabur yang berpotensi. Memang terdapat beberapa kawasan perindustrian yang masih kosong tetapi ini adalah perlu dan penting kerana kemudahan-kemudahan ini perlu disediakan terlebih awal kepada pelabur-pelabur. Sekian.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Berapakah jumlah keluasan kawasan industri yang ada dan peratus yang masih kosong?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Ada beberapa kawasan yang telah ditetapkan tapi dari segi jumlahnya saya memerlukan notis. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Apakah kemajuan Rhu Tapai?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Semula, Yang Berhormat, saya tak dengar tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Apakah kemajuan di kawasan Perindustrian Rhu Tapai?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita sedang berusaha untuk memajukan Rhu Tapai tetapi setakat ini kita baru dapat masa 6 bulan setelah kita ambil alih dan kita masih belum ada apa-apa kemajuan di kawasan Rhu Tapai itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat tahu ke tidak dekat mana Rhu Tapai dan bila projek ini dimulakan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dimulakan tapak ini kerana dah tiga kali dibersih dan kesemua infrastruktur telahpun siap 20 tahun dahulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Yang Di Pertua, saya rasa Yang Berhormatpun tahu bukan mudah untuk menarik pelabur, zaman Paspun belum ada apa-apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, bukan soal zaman PAS, kita terima pewarisan yang terdahulunya kawasan ini dimajukan dan disediakan infrastruktur tetapi tidak ada sambutan, kajian tidak cukup, tidak lengkap.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita baru 6 bulan perintah. PAS perintah 4 tahun, tak buat bendapun di situ, jadi 6 bulan ini 'okh' dulu. Lepas ini insya-Allahlah EXCO kita akan buat kerja dan akan tarik pelabur-pelabur ke kawasan tersebut. Ini 4 tahun tak boleh buat benda, ini 6 bulan nak tanya kita, nak menyalahkan kita. Jadi ini satu benda yang tidak adil Yang Di Pertua dan suatu perkara yang amat tidak adil untuk menghukum kita sedangkan perkara ini telahpun ada pada tahun-tahun lepas. Pas perintah 4 tahun tidak ada apapun malah semakin semak, mungkin masa itu nak simpan balak di kawasan itu nak tebang balak pulak. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, takdok balak di sini kalau ada dah lama dia orang jual tetapi kawasan ini dibina dalam masa 40 tahun UMNO memerintah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Yang Di Pertua, rasanya maklumat itu salah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tidak dengar, Dato' Yang Di Pertua, boleh jelas sedikit, perlahan sedikit. Laju sangat, *speed*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai):
40 tahun tidak betul Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang
Di Pertua, soalan tambahan – Apakah insentif yang ditawarkan kepada usahawan-
usahawan yang ingin mendirikan kilangnya di tapak-tapak industri tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai):
Ulang semula, tak berapa dengar tadi.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Apakah insentif
yang ditawarkan kepada usahawan-usahawan yang ingin mendirikan kilangnya
di tapak-tapak industri tersebut,? Insentif.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang
Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ada beberapa insentif yang diberi. Satu
daripadanya ialah insentif seperti menawarkan kadar yang berpatutan dan menarik.
Yang kedua, memberi bayaran tertanggung kepada premium. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu
Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dan dalam keadaan begitu tidak
ada pelabur nak mari.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang
Berhormat, seperti yang saya kata tadilah, kita masih baru dan kita dalam sedang
berunding dengan beberapa syarikat untuk datang ke mari.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih,
soalan yang kedua –

*Buah-buahan bermusim sering dikaitkan dengan masalah
Pasaran. apakah usaha untuk membantu para petani mengatasi
masalah ini?*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri):
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, usaha
Kerajaan bagi membantu para petani bagi mengatasi masalah pemasaran buah-
buahan bermusim merupakan satu masalah yang telah lama wujud. Walau
bagaimanapun Kerajaan Barisan Nasional selama lebih kurang 6 bulan memerintah
terus menyambung serta memperbaiki keadaan-keadaan ini supaya masalah
pemasaran buahan bermusim ini dapat di atasi. Antara perkara-perkara yang telah
diambil tindakan ialah pertamanya, dengan menggunakan khidmat FAMA negeri-

negeri di seluruh negara untuk memasarkan buah-buahan terutamanya Duku dan Dokong dari Terengganu ke negeri-negeri di utara dan juga negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung. Perkara yang kedua, langkah yang telah diambil ialah dengan mewujudkan Industri Hiliran untuk memproses hasil buah-buahan tempatan dengan memberi galakan kepada Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri, perseorangan dan juga swasta bagi melibatkan diri di dalam memproseskan hasil. Perkara yang ketiga, memperhebatkan lagi usaha-usaha Industri Hiliran di bawah program-program bimbingan jabatan dan juga agensi seperti Kumpulan Tani Wanita, Jabatan Pertanian, RISDA, FELCRA, FELDA dan jugak lain-lain agensi. Keempatnya, usaha untuk mengeksportkan ke luar negara dengan tindakan bersama Kementerian Pertanian dan juga pengeksport-pengeksporth tempatan dan luar negeri. Dan seterusnya juga Kerajaan mengambil langkah mengadakan Ladang Kontrak FAMA dengan para petani dan seterusnya membuka Pusat-pusat Pengumpulan Jabatan yang mana sekarang ini telahpun terdapat 30 buah Pusat Pengumpulan Jabatan Pertanian di negeri ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Memandangkan betapa pentingnya faktor pemasaran pada industri pertanian negeri, adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan agensi pemasaran sendiri seperti FAMA.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan ada merancang perkara tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Saya rasa dukacita bila Yang Berhormat EXCO jawab, kita baru umur 6 bulan sedangkan kesemua agensi-agensi yang berkait dengannya seperti FAMA, MARDI dan seterusnya adalah agensi pusat yang berterusan di bawah Kementerian. Ada laporan bahawa Duku kita telahpun 'penetrate' telahpun menembusi Pasaran di Perancis, berapa ribu tan tahun ini kita hantar ke Perancis.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, agensi-agensi seperti yang disebutkan tadi juga merupakan agensi Kerajaan Negeri jadi antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat memang bekerja erat dari dulu lagi. Dato' Yang Di Pertua, hal ini saya rasanya tidak menimbulkan masalah cumanya Kerajaan terus memberi penekanan supaya kaedah pemasaran dan membantu petani ini terus dipertingkatkan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Bukan soal beri penekanan, soalnya petani kita membuat kenyataan akhbar Duku dia 80 sen sekilo

sedangkan terdahulunya Kerajaan Pusat menyatakan kita telah menembusi Pasaran Duku ini di Perancis. Saya tanya berapa ribu tan kita hantar ke Perancis?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, saya tidak dapat memberi maklumat berapa ribu tan yang telah dihantar ke Perancis tetapi untuk makluman Yang Berhormat daripada Batu Burok, kita telahpun membantu dari segi Pasaran Duku dan Dokong iaitu kita telahpun melalui FAMA dan juga Jabatan Pertanian Negeri kita telah membeli dan memasarkan sebanyak 100 metrik tan dari daerah Hulu Terengganu, Kuala Terengganu, Besut dan Setiu yang melibatkan purata 5 metrik tan sehari telahpun dijual. Harga belian ialah di antara RM1.20 hingga RM1.30 sen sekilo dan sedangkan harga Pasaran borong di Terengganu hanyalah antara 70 sen hingga 80 sen sekilo. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kita tu siapa, kita tu. Kita beli tadi tu siapa kita tu?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Pihak Kerajaan melalui FAMA dan juga Jabatan Pertanian.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Di Pertua, terima kasih. Soalan yang ketiga -

Berapakah bilangan padang ragut yang telah dibangunkan oleh Pejabat Perkhidmatan Haiwan di setiap daerah dan keluasannya. Berapa banyak pula yang terbiar dan apakah langkah mengatasinya?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, sebanyak 58 buah padang ragut telah dibangunkan oleh Jabatan Haiwan Negeri Terengganu iaitu melibatkan 58 kawasan telahpun dibangunkan dengan keluasan 2,999.29 hektar. Kawasan-kawasan ini melibatkan:

Besut	-	20 kawasan
Setiu	-	9 kawasan
Hulu Terengganu	-	8 kawasan
Kuala Terengganu	-	4 kawasan
Marang	-	7 kawasan
Dungun	-	6 kawasan
Kemaman	-	4 kawasan

Manakala sebanyak 31 buah padang ragut lagi yang direzab untuk dijagai oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan masih belum dibangunkan. Bilangan yang masih belum dibangunkan ini adalah seperti berikut iaitu melibatkan 31 buah kawasan seluas 1,973.70. Manakala langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi padang ragut yang masih belum dibangunkan ini, Kerajaan Negeri telah menggalakkan pihak swasta untuk masuk dan membangun sama dengan Kerajaan Negeri dan juga dibangunkan oleh Kerajaan Negeri mengikut keperluan semasa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Adakah semua padang-padang ragut tersebut telah diwartakan dan kalau ada yang belum diwartakan, apakah status tanah tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Pada keseluruhannya padang ragut yang disebutkan tadi telahpun diwartakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, soalan – Kita ada 58 padang ragut, apakah kemajuan yang diberi kepada petani-petani dan berapa banyak ternakan ada dalam 58 itu?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, sebanyak 58 kawasan yang telah dibangunkan memberi faedah yang besar kepada petani-petani iaitu melibatkan padang ternakan tenusu dan juga pemeliharaan ternakan secara pedaging.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, saya ada satu soalan Dato' Yang Di Pertua, berhubung dengan 58 tadi, boleh beri mengikut pecahan daerah-daerah tak hak 58 tadi? Okey, Yang BERTHORMAT ada dah tadi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, saya rasa tadi saya dah baca status padang ragut tetapi kita boleh baca sekali lagilah kalau Yang BERTHORMAT Wakaf Mempelam nak tahu. Yang pertamanya di Besut telah dibangunkan

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apa, tak apa, saya baru teringat, ada dah tadi (Dewan Gelak)....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Baik, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Harun bin Taib, Wakil Manir mengemukakan soalan-soalannya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama –

Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk membendung jenayah yang meningkat secara ketara di negeri ini?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua dan terima kasih Wakil Manir. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Wakil Manir ini iaitu ia mengatakan bahawa jenayah semakin meningkat dengan ketara. Tapi apa yang dimaklumkan saya tidak tahu dari mana Wakil Manir mendapat maklumat ini tapi laporan daripada pihak Polis Kontinjen Negeri Terengganu mengatakan bahawa penurunan yang begitu ketara bukan peningkatan yang begitu ketara. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua – Apakah Kerajaan sedar ada kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negeri Terengganu pada 13 Ogos 2004 pada tarikh akhir perkhidmatannya di negeri ini yang menyatakan peningkatan ketara berlaku jenayah di negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, maklumat yang kita terima tidak ada, cuma saya rasa ketara itu masa zaman PAS mula barangkali. Zaman UMNO ini nampak tidak ketara cuma maklumat yang kita ada hak ketaranya di negeri Kelantan daripada 1,916 kes meningkat kepada 2,956 kes pada masa yang sama. Jadi ini yang berlaku yang ada pada kita, jadi maklumat yang dikatakan ketara itu mungkin pada zaman Kerajaan duilulah barangkali. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, yang Wakil Ajil kata turun itu kenyataan pada berapa haribulan? Saya bercakap berdasar pernyataan Ketua Polis Negeri Terengganu pada 13 Ogos 2004. Jadi 12 Ogos itu campurlah, PASpun campur, UMNOpun campur dah, sebab PASpun ada dua-tiga bulan di situ BARISANpun ada empat-lima bulan. Jadi saya

tidak bercakap dari sudut zaman siapa berlaku jenayah itu tetapi saya tanya peningkatan berlaku sehingga tarikh kenyataan itu dibuat?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebagai seorang Ahli Dewan yang lama 'kod' dalam surat khabar sepatutnya tidak boleh digunakan di dalam Dewan, mungkin pihak akhbar tersilap kod apa yang dikatakan. Tapi data yang ada pada saya menyatakan bahawa daripada Januari hingga Ogos 2004, daripada 2,048 kes dilaporkan tetapi telah menurun kes pada Januari sehingga Ogos 2003 ialah 2,143 kes tetapi telah menurun alhamdulillah dengan banyaknya iaitu sebanyak lebih kurang dalam 95 kes dalam masa yang sama, tempoh yang sama pada 2004 menjadi 2,048 kes. Ini maklumat tepat yang kita terima daripada Polis Kontinjen Negeri Terengganu. Jadi kalau diambil daripada apa yang dikatakan oleh surat khabar mungkin Harakah barangkali hak tidak betul sokmo tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, kalau ada dalam surat khabar maknanya surat khabar itu tidak betullah. Yang Berhormat Wakil Ajil tadi tarikh berapa haribulan kata yang menurun?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak berapa dengar barangkali Wakil Manir ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, tak berapa dengarpun tak apa

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Daripada Januari hingga Ogos. Soalan Yang Berhormat tanya sehingga sekarang, jadi sehingga Ogos, data yang ada sehingga Ogos dah, Januari hingga Ogos. Maklumat yang saya beri tadi Januari hingga Ogos 2003, saya ulang balik ialah 2,143 kes dan Januari hingga Ogos 2004 menjadi 2,048 kes, jadi 2,143 menjadi 2,048 kohor turun bukan kohor naik, Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, itu saya tanya tarikh, saya tanya tarikh sebab indeks jenayah Terengganu meningkat, itu satu tajuk berita. Jadi berita ini kadang dalam t.v., kadang dalam surat khabar, surat khabar Harakah tak apalah saya tak bawa, kalau berita dalam t.v. tidak boleh pakai, berita dalam surat khabar tak boleh pakai, maka selama ini semua berita-berita yang disiarkan adalah bohong dan tidak benar. Jadi saya kalau kenyataan Ketua Polis ni, saya ada baca dia kata 'Indeks Jenayah di Terengganu bagi tempoh 7 bulan tahun ini meningkat sebanyak 115 kes atau 6.29 peratus berbanding tempoh yang sama tahun yang lalu', itu dia. Jadi Ketua Polis Terengganu Dato' Mohamad Lazim Ahmad berkata sebanyak 1,893 kes

dilaporkan tahun ini berbanding 1,744 kes tahun lalu dengan Kuala Terengganu mencatatkan kadar tertinggi iaitu 880 kes, saya nak baca lagi boleh tapi kalau semua yang disebar dalam t.v. dalam surat khabar itu tidak benar maka soalan saya tidak berbangkitlah. Jadi saya tanya apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk membendung jenayah yang meningkat secara ketara di negeri ini.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih dengan penerangan yang begitu jelas yang diberikan oleh Wakil Manir. Itu maklumat yang saya beri bulan tujuh dan saya nampak apa yang diberi oleh Polis kepada kita sehingga bulan Ogos, maknanya dah berlaku penurunan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat saya nak tanya, saya dah beritahu 13 Ogos, hari akhir dia bersidang dan surat khabar melaporkan 14 Ogos, baca bulan tu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kita maklum 13 Ogos dan maklumat yang kita beri ini sehingga 31 Ogos, kemungkinan selepas 13 Ogos sampai 31 Ogos berlaku penurunan yang mendadak, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di Pertua, maknanya dalam masa 18 hari turun menerus. Ah! baguslah Kerajaan ni.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Baguslah Yang Di Pertua, rakyat kohor baik di bawah Umno ini Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nampak.... Ini UMNO ke PAS kita tidak tahu, kita rakyat negeri Terengganu. Polis pun tidak nyata kepada kita yang satu kena tangkap ini Umno yang satu ini Pas, takdok pulak dia cerita macam itu. Kalau dia tangkap itu Pas bolehlah Pas didik tapi kalau kena Umno beratlah Umno didik.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Di Pertua, itu menunjukkan bahawa berkesannya Kerajaan Terengganu Bestari kalau dulu orang hak curi pisang orang Pas ada jugak Yang Di Pertua, di Kuala Berang, nun.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, yang ditulis itu tak betul sebab saya kata 13, dia kata 31 dia balik nombor ni, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya harap Dato' Yang Di Pertua

memainkan peranan yang profesional, soalan bukan dituju Kerajaan PAS, orang PAS, orang UMNO. Soalannya, apakah usaha, ini soalan yang murni – Apakah usaha untuk membendung peningkatan jenayah ini? *So don't be prejudice*, dengan izin, jangan kita terlalu *prejudice*, bukan kita '*pin-point*' UMNO buat jahat, ini masyarakat kita dah terjerumus ke tahap yang teruk pada hari ini harapnya dapat dijawab biar satu jawapan yang profesional dan tepat dengan fakta.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Di Pertua, soalan ini tak betul, dia kata meningkat, data yang ada dengan kita menurun. Jadi menurun menunjukkan Kerajaan kita berkesan, contohnya berkesan bila kita menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat, dengan adanya pekerjaan mereka tidaklah pergi mencuri, pergi merompak. Jadi mungkin satu sebab Yang Di Pertua penurunan.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak habis lagi, saya akan beri sikit lagi. Dengan adanya peluang-peluang pekerjaan ini mengurangkan lagi jenayah, salah satu kesan yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk mengurangkan jenayah. Jadi bukan sahaja kita beri pendidikan, kita beri taklimat ataupun ceramah, kita jugak memberi peluang pekerjaan kepada rakyat kita untuk mengurangkan jenayah yang dilakukan terutama jenayah mencuri merompak, ragut dan juga curi motosikal. Jadi semua ini Yang Di Pertua adalah kesan daripada pentadbiran Terengganu Bestari di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, walaupun 6 bulan tetapi penurunan yang alhamdulillah cukup membanggakan kita dan kita yakin kalau diberi masa 4 – 5 tahun lagi insya-Allah penurunan ini akan lebih mendadak dan lebih drastik, insya-Allah Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Di Pertua, jadi Wakil Ajil mengakulah penambahan jenayah ini sebab dia kata

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat saya tidak benarkan perkara ini untuk dibahaskan kerana jawapan telah diberi

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berilah peluang kepada saya untuk perjas, tadi EXCO ulas nun – lama, saya nak celah sikit saja. Tadi dia kata

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi EXCO pulaklah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa insya-Allah, Pilihanraya akan datanglah, jadi EXCO pulak, saya tak nak jadi sekarang. Itu kemungkinan bukan perkara mustahil.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Manir, sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sebab dia kata, kita telah berusaha beri kerja, banyak mana pekerjaan yang telah diberi? Saya nak tanya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Jadi sekarang jawapan telah diberi, angka-angka telah diberi, tempoh masa telah diberi

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Inilah fasal payah nak bercakap ni, sebab itulah bola kalah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Soal kita nak terima atau tidak Yang Berhormat, jadi itu bukan persoalan lagi sebab jawapan telah diberi jadi kalau kita nak berhujah ini bukan soalan berhujah, jawapan telah diberi. Jadi saya minta Yang Berhormat pergi kepada soalan yang seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor dua –

Adakah benar beberapa tender yang telah diluluskan oleh MPKT dibatalkan oleh Kerajaan?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, tidak benar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, apakah Wakil Kijal bercakap benar?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, ini merupakan andaian daripada Wakil Manir dan saya bercakap benar, tidak ada yang tidak benar melainkan benar belaka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang andaian menyatakan, beberapa tender yang telah diluluskan oleh MPKT dibatalkan oleh Kerajaan kerana orang-orang yang diluluskan itu bukan daripada kroni-kroni tertentu, tidak benar atau benar?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tidak benar, Dato' Yang Di Pertua, sebab itu saya kata cuma kita mengeluarkan tender setakat ini di Terengganu hanya satu itupun beli 'Bulldozer' baru sahaja keputusan dibuat oleh Y.B. SUK. Tidak ada tender yang dikeluarkan sebelum ini oleh MPKT.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): MPKT lulus dah kemudian Kerajaan suruh batal, itu saya tanya tu benar ke tidak?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tidak benar, Dato' Yang Di Pertua, saya sebut dah tadi, tidak benar melainkan yang benar sahaja jawapan saya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak ada apa Yang BERTHORMAT Yang Di Pertua, saya tanya – Apakah Wakil Kijal bercakap benar, begitu?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya bercakap benar, khabar dah berulang kali, saya bercakap benar.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau bercakap benar, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Hah! Dah tak apalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, soalan ketiga –

*Sila nyatakan jumlah masjid yang telah selesai pelantikan
Jawatankuasa Masjid mengikut pecahan daerah?*

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullah wabarokatuh. Jumlah masjid yang telah selesai pelantikan Jawatankuasa Masjid mengikut pecahan daerah adalah sebagaimana berikut; Kuala Terengganu sudah selesai 103 daripada 123 buah, Kemaman 45 buah semua selesai, Dungun 45 buah juga cuma satu yang belum selesai, Besut 70 buah yang diselesaikan cuma tujuh masih belum, Hulu Terengganu 71 buah, Marang 40 buah dan Setiu 50 buah. Jumlah keseluruhan masjid yang mana pelantikan Jawatankuasa Masjid sudah selesai ialah sebanyak 426 buah kira-kira 90 peratus daripada keseluruhan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kaedah mana pelantikan itu dibuat?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Tuan Yang Di Pertua, pelantikan Jawatankuasa Masjid kita buat sebagaimana telah diputuskan oleh Kerajaan iaitu sebagaimana kita ada yang dilantik oleh Pesuruhjaya dan kita ada jugak yang dilantik oleh MAIDAM dan ada jugak yang kita serahkan kepada anak mukim.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, yang ditanya mengikut kaedah-kaedah mana cuba tolong beritahu nama kaedah-kaedah itu, peraturan yang diberi itu?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Tuan Yang Di Pertua, kaedah kita telah luluskan oleh Kerajaan baru-baru ini dan kaedah yang kita buat itu adalah berdasarkan kaedah yang diluluskan oleh Kerajaan bukan kaedah yang semasa Kerajaan Alternatif dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan, beri nama kaedah itu, kaedah apa nama, tahun bila, bilangan bila?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Yang itu saya perlu notis, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Encik Za'abar bin Haji Mohd Adib, Wakil Rantau Abang mengemukakan soalan-soalannya.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahirrahmanirrahim. Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor satu –

Bilakah Pejabat Perhutanan Negeri Terengganu mendapat ISO bagi pengurusan hutan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua dan terima kasih Wakil Rantau Abang. Jawapan untuk soalan daripada Rantau Abang ialah Pejabat Perhutanan Negeri Terengganu telah mendapat ISOnya bagi Pengurusan Hutan pada 13 Januari 2003. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor dua –

Berapa lama kajian ini dibuat sebelum menerima ISO dan berapa kosnya?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, kajian yang dilakukan untuk mendapat ISO ini dan kosnya ialah kajian ini bermula sejak tahun 1997 dan kos ataupun belanja yang digunakan untuk membiayai projek ini ialah sebanyak RM185,200.00. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Adakah benar pendapat penyokong PAS dan juga dalam ucapan pemimpin-pemimpin PAS ada menyatakan bahawa Kerajaan PAS mampu menguruskan hutan dengan baik berasaskan kajian dan kelulusan ISO Perhutanan ini.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, itu pendapat yang tidak benar dan sememangnya pemimpin PAS pun khabor hak dok benar sokmo kepada pengikut-pengikut dia dengan mengatakan bahawa mereka mendapat ISO 2003 dan mereka menjaja kerana kehebatan mereka menguruskan hutan. Sebenarnya apa yang sebenar-sebenarnya tidak ada perkataan lain kecuali benar belaka program ini dilakukan sejak 1997 lagi iaitu sejak Kerajaan Barisan memerintah negeri Terengganu Darul Iman, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, soalnya – Sedarkah Kerajaan hari ini kalau benar apa yang dikatakan oleh EXCO ianya memerlukan 6 tahun untuk dikeluarkan hasil kajian, benarkah begitu?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Benar Yang Di Pertua. Benar, dengan apa yang dikatakan bermula 1997 dan pihak Kerajaan Pas setelah mendapat ISO seolah-olah mereka mendapat lesen, dah dapat lesen ISO merekapun 'baham ikut dang-ikut ser' sehingga menyebabkan banyak hutan-hutan yang tercemar dan sehingga yang ironinya (sedihnya) dalam zaman 'Care Taker' Kerajaan pun keluar lagi 17 lesen yang tanpa sah Yang Di Pertua mengikut undang-undang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, jawapan yang kemudian itu tidak ada kena mengena dengan soalan ini dan kalau kita nak kata hak lulus inipun masa kita ambil alih Kerajaan inipun lebih daripada 30 yang diluluskan semasa Kerajaan Sementara. Tapi soal sekarang ini, kenapa MS-ISO ini selesai masa Pas?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, secara kebetulan selesai zaman Pas tapi apa yang dibuat, kita buat zaman 1997, 1998, 1999, 2000, 2001, 2002 dan 2003, enam tahun (3 tahun, 3 tahun). Jadi

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak apa, saya beri peluang. Dia Dato' Yang Di Pertua, kahwin zaman Umno beranak zaman Pas nak buat guana, kebetulan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ialah kita bercakap biar nampak kebijaksanaan pentadbiran. Takkan satu kajian nak tunggu 6 tahun, bermakna susulan, desakan yang dikenakan ke atas pengkaji satni diambil masa Pas supaya selesai masalah ini. Orang tak buat kajian 6 tahun sehingga Kerajaan berubah baru dapat hasil, ini kebijaksanaan pentadbiran.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Satu andaian yang tidak tepat. Kajian ada 5 tahun, ada 6 tahun dan ini bukan dibuat oleh Kerajaan, dibuat oleh *Consultant* yang dilantik untuk melihat sejauh mana keberkesanan pihak Kerajaan menguruskan dan alhamdulillah apa yang dilakukan sepanjang kita perintah dulu cukup memberangsangkan. Cuma apabila pihak Kerajaan yang dulu ketika dah dapat lesen ISO ini merekapun terbang baham rambang 'ikut ser-ikut dang' sehinggakan saya pernah kata dalam Dewan dulu hak besar kopiah semua terbang belaka, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, nilai pada kayu balak ini dia mengikut keperluan, mungkin kayu balak besar mancis pun perlu ditebang, ditebanglah tapi kategori dia itu mengikut keperluan, kegunaan, bukan kata yang kecil saja tak boleh pakai yang besar sahaja boleh pakai, tidak begitu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, besar mancis pun balak jugak, besar mancis balak jugak orang panggil?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dok, ini boleh panggil balak belaka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Kijal tak rajin dengar barangkali 'Roti Balak', kecil saja.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor tiga –

Berapa luas kawasan kajian?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang ketiga, luas kajian yang melibatkan yang berkait dengan soalan yang kedua tadi ialah 1,200 hektar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua - Adakah kawasan Dungun Safari Park itu termasuk dalam kawasan kajian ini?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji): Kurang jelas?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Keluasan kawasan kajian itu dikatakan 1,000 hektar lebih, adakah kawasan Dungun Safari Park dulu yang jadi isu balak waktu UMNO memerintah dulu termasuk dalam kawasan kajian ini?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan ini perlu kepada notis, cuma saya dimaklumkan oleh *Consultant* yang buat kajian ini dia mengambil tempat secara *scattered* secara berterabur untuk dijadikan kes kajian kepada kelulusan MS-ISO 2000 ini, Yang Berhormat Yang Di Pertua. Jadi soalan tersebut saya rasa perlu kepada notis untuk kita menjawab dengan lebih tepat.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan Dato' – Adakah kawasan kajian seluas 1,200 hektar ini juga akhirnya termasuk dalam 484 kawasan yang sebelum ini diberi kepada kroni tanpa *tender*?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji): Yang Berhormat Yang Di Pertua, soalan ini jugak perlu kepada notis dan saya rasa tidak mustahil perkara ini dilakukan sebagaimana saya katakan tadi setelah mereka ini dapat lesen tebang balak, merekapun tidak kira dah lepas itu untuk beri kepada kroni-kroni tapi soalan ini perlu kepada notis, Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang):
Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bila kita kata kajian dia masuk semualah tak perlu tunggu-tunggu notis. Dia masuk kesemua fasalnya ini *behaviour* dia panggil ya tak, *character* dia, dia kajian ini apa yang salah, apa yang tak betul, kroni tak kronipun semua masuk belaka.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kawasannya terlalu banyak 1,200 hektar dan dibuat secara berterabur secara *scattered* saya tak pasti kawasan itu, jadi oleh kerana perlu kepada jawapan terperinci untuk lebih bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia ini kita perlu kepada notis, Yang Berhormat Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang Di Pertua, saya mintak penjelasan – Tidak ada *Consultant* yang akan buat kajian secara terabur tapi *selective* dengan izin, dia tumpu tempat mana nak kaji tapi buat berterabur begitu orang tidak kaji, itu kita tolak itu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Di Pertua, itu bahasa Lawyer Yang Di Pertua tapi berterabur dengan *selective* itu hak tu-ler sajalah, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Masa kita hampir nak habis jadi saya walau bagaimanapun saya rasa sempat satu – dua soalan lagi barangkali. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong, Wakil Batu Burok mengemukakan soalan-soalannya –

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Sila beri angka mengikut pecahan Daerah bilangan keluarga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya yang dianugerah menerima bantuan kemiskinan atau kebajikan dan sila beri kritirannya?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Di Pertua, soalan yang pertama yang dikemukakan oleh Wakil Batu Burok ialah untuk mengetahui jumlah Keluarga Emas jadi mungkin istilah baru Dato' Yang Di Pertua, yang digunakan oleh Wakil Batu Burok ini sebab saya rujuk istilah ini dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak ada 'Keluarga Emas' yang adanya

'Warga Emas' mereka yang berusia 60 tahun dan ke atas. Jadi tidak tahu kamus mana yang diguna oleh Wakil Batu Burok untuk menggunakan perkataan 'Keluarga Emas'.

Jadi jawapan yang diberi Yang Di Pertua, Peruntukan Negeri atau Bantuan Am yang diberi kepada rakyat negeri Terengganu mengikut daerah iaitu orang tua ataupun Warga Emas saya tak suka menggunakan Keluarga Emas Wakil Batu Burok saya suka menggunakan Warga Emas:

Peruntukan Negeri (Bantuan Am)

BIL	KATEGORI JENIS BANTUAN	DAERAH							JUMLAH
		K. TRG	MARANG	H. TRG	DGN	KMN	BESUT	SETIU	
1.	Orang tua (Keluarga Emas)	2508	645	1047	719	696	1200	298	7113
2.	Orang K/Upaya	216	135	36	86	108	143	80	804
3.	Balu/Tanggung (Ibu Tunggal)	539	79	124	294	102	295	112	1545
JUMLAH		3263	859	1207	1099	906	1638	490	9462

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, di bawah Peruntukan Persekutuan pula, kita memberi bantuan kepada Warga Tua:

Peruntukan Persekutuan

BIL	KATEGORI JENIS BANTUAN	DAERAH							JUMLAH
		K. TRG	MARANG	H. TRG	DGN	KMN	BESUT	SETIU	
1.	Orang tua (Bantuan Orang Tua)	249	89	55	107	75	60	69	704
2.	Orang K/Upaya (Elaun Pekerja Cacat)	234	87	33	38	75	52	30	549
3.	Balu/Tanggung (Bantuan Kanak- Kanak)	794	345	181	398	274	351	191	2534
JUMLAH		1277	521	269	543	424	463	290	3787

- (Orang Tua – Elaun RM135.00 sebulan)
- (Orang K/Upaya - Elaun Pekerja Cacat RM200.00 sebulan seorang)
- (Balu/Tanggung - Bantuan Kanak-Kanak RM100.00 seorang kanak-kanak yang bersekolah)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Soalan kedua.

Sila nyatakan jumlah mengikut Daerah tapak-tapak sekolah yang diluluskan semasa pemerintahan Pas dan sehingga ini berapa buah sekolah yang telah siap dan mula menerima pelajar?

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Di Pertua, jumlah mengikut daerah tapak-tapak sekolah yang telah diluluskan semasa pemerintahan Pas dan telah siap serta mula menerima pelajar ialah seperti berikut:

DAERAH	BIL. TAPAK-TAPAK YANG DILULUSKAN	BIL. SEKOLAH YANG TELAH SIAP DAN BEROPERASI
Kuala Terengganu	7	3
Marang	7	-
Dungun	6	4
Kemaman	9	3
Hulu Terengganu	8	4
Setiu	10	4
Besut	5	2
JUMLAH	52	20

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua – Adakah bila perkataan belum beroperasi itu digunakan ianya menjejaskan kemasukan murid-murid baru?

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dia memanglah kalau tak siap sekolah memang menjejaskan tapi perkara ini telahpun dibincang dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri kalau ada alternatif-alternatif lain untuk tahun 2005 ini supaya pelajar-pelajar yang masuk sekolah tidak mendapat apa-apa halangan, insya-Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tak mahu sesuatu andaian, saya tanya bila ada kelewatan menyempurnakan penyiapan sekolah-sekolah ini adakah menjejaskan kemasukan murid-murid baru dan berapa sekolah-sekolah yang terjejaskan ini?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Saya mintak kuat sikit, tahu soalan itu tetapi tidak berapa jelas, jadi saya jawab salah pulak susah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sekejap tadi kita dengar EXCO bagi taburan dan yang siap, yang beroperasi, yang tak beroperasi kesemua kelihatan di seluruh daerah-daerah yang dinyatakan. *Now*, saya tanya daripada yang tak dapat beroperasi ini sejauh mana kesannya kepada penerimaan murid-murid baru untuk bersekolah dan sejauh mana kesulitan-kesulitan ini dapat di atasi?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Memang betul ada kelewatan tetapi kesan untuk kemasukan pelajar-pelajar ke sekolah tidak ketara sangat kerana ada alternatif-alternatif yang telah disediakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya kurang dengar jawapan yang pertama tadi – Berapa kesemuanya yang dikatakan oleh EXCONya yang diluluskan semasa zaman pemerintahan Pas, berapa kesemuanya?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Banyak jugak, 52 tapi lambat lulus lambat buat sekolah dan beroperasinya 20 baru.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tak mahu satu jawapan secara perli, saya tanya berapa banyak yang diluluskan semasa Pas dan lambat siap itu bukan isu Kerajaan mungkin isu kontraktor, mungkin isu pemberian tender dan berbagai-bagai, itu saya tak tanya tapi kalau EXCO nak jawab satu persatu saya persilakan.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Tak tanya tak apalah, dah jawab cukup dah tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Macam mana? Fasal ini tawaran daripada Yang Berhormat EXCO kerana Pas lambat lulus tapi saya tak mahu pertikaikanlah di sini dia pindah dari satu kampung ke satu kampung yang lain misal kata, ini perlu proses pengambilan tanahlah dan sebagainya. Saya tak mahu tahu, tak mahu melibatkan pentabiran tanah dan sebagainya tapi yang terlibat soalan sayanya hanyalah direct kepada isu yang ada di depan kita.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Jawab *direct* juga, ada 52, yang boleh pakai 20 tapi yang ada yang masih 1 yang belum siap telah ada alternatif-alternatif supaya pelajar-pelajar tidak terhalang untuk masuk ke sekolah menengah ataupun rendah tahun 2005.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Daripada jumlah yang diberi tadi berapa daripadanya yang lambat ni kerana Kerajaan dulu lambat lulus tanah?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Ialah, memang kalau kita lihat di sini hanya 20 daripada 52 beroperasi maksud dia tak siap sekarang, salah satu faktornya tak siap memanglah kerana pengambilan tapak sekolah oleh kontraktor itu agak lambat, itu jawapan dia.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa Soalan Lisan telahpun berlalu jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan akan disambung semula pada jam 11.15 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.52 PAGI.

PUKUL 11.15 PAGI

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

**ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN)
(BIL.1) 2004 PERBELANJAAN 2004.**

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang
Di Pertua, saya mohon mencadangkan –

*“Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen 4 Akta
Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan Undangan Negeri ini
membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan
yang pertama daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk
perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri Bagi Tahun 2004
bagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:-*

JADUAL		
<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Tambahan (RM)</i>
P.O2	Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Terengganu	RM2,000,000.00
JUMLAH:		RM2,000,000.00 “

Sekian.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang
Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong Usul tersebut.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui
dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

**ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2004)
(No.1) 2004**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2004 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU
ENAKMEN DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2004 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk Perkhidmatan Awam Negeri dalam tahun 2004 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (2004) 2003.

Butiran lanjut berhubung dengan tambahan peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bilangan 6/2004.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap, sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan, Para Pemerhati, Pegawai-pegawai Kerajaan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Saya berdiri untuk mengambil sedikit masa untuk menyatakan sedikit perkara dan insya-Allah akan mendapat penjelasan-penjelasan daripada pihak Kerajaan.

Yang pertama, saya rasa terkejut bila melihat angka yang diminta untuk tambahan kali pertama ini iaitu RM11.179 juta. Saya menyangka bahawa pertambahan ini sekali ganda daripada peruntukan asal 247,278 dan kenapa saya 247 dan seterusnya 887, kenapa saya merasa demikian kerana ialah bahawa Kerajaan yang baru telah mewarwarkan bahawa satu pembangunan yang pesat akan dijalankan sebaik sahaja Kerajaan diambil alih oleh Parti Barisan Nasional. Oleh kerana itu dalam masa 4 – 5 bulan ini saya menjangka banyak projek-projek pembangunan yang akan menelan belanja ratusan juta ringgit tapi sehingga ini hanyalah yang perlu kepada penambahan ialah RM11 juta. Sama ada tidak ada projek-projek baru yang dijalankan ataupun sememangnya Kerajaan tidak mampu menjalankan projek-projek itu dengan alasan bahawa mungkin kewangan negeri tidak mencukupi. Kalau zaman pemerintahan Kerajaan Pas dahulu dikatakan memang tidak banyak projek-projek pembangunan mungkin ada alasan dan sebabnya kerana Kerajaan dahulu ialah dianggap sebagai 'anak tiri' kepada Kerajaan Persekutuan. Bukan sahaja bantuan-bantuan yang sepatutnya diberikan dengan cara yang lebih baik diberi tetapi malahan yang ada kepada Kerajaan Negeri jugak adalah dirampas oleh pihak 'bapa tiri' Kerajaan yang lalu. Saya menyangkakan bahawa bila 'anak kandung' pemerintah bahawa bantuan akan datang secara melimpah-ruah tetapi saya sangsi sama ada peruntukan tidak ada ataupun Kerajaan sekarang tidak berupaya untuk mewujudkan pembangunan-pembangunan yang pesat sebagaimana yang diperlukan oleh anak negeri ini kerana memandangkan RM11.17 juta sahaja peruntukan tambahan yang diperlukan. Bila saya membaca kertas ini kebanyakan daripada peruntukan-peruntukan itu ialah diberi kepada Pejabat-Pejabat Daerah selain daripada JKR dan Perairan dan Saliran yang lebih besar. JKR hanyalah untuk penyelenggaraan kepada jalan-jalan atau lain-lain perkara bangunan dan sebagainya yang telah ada, tidak ada peruntukan-peruntukan daripada RM3.9 juta yang diberi kepada JKR iaitu 'B 10' yang mengandungi projek-projek baru yang diadakan oleh Kerajaan. Begitu juga bila saya melihat kepada 'B 11' bawah peruntukan yang sangat mendesak – Perairan dan Saliran. Bekalan

air sangat ketara pada masa ini walaupun EXCO berkenaan mengatakan air akan selesai tapi 2006 bukan sekarang. Projek-projek segera, langkah-langkah segera yang patut diambil tidak ada peruntukan untuk mengatasi masalah air di kawasan yang terlibat. Kita jugak dulu ada masalah air tetapi tidak setenat sekarang ini. Di kampung saya terpaksa setengah-setengah tempat dalam kawasan saya terpaksa buat cara lama, cara korek tanah untuk mendapatkan air kerana bekalan air sangat lemah dan sangat tidak mencukupi. Dalam keadaan ini saya menjangkakan bahawa Perbekalan Tambahan akan diberi keutamaan kepada pemasalahan besar yang melibatkan rakyat keseluruhannya di negeri Terengganu ini, khususnya di kawasan-kawasan yang terbabit tetapi tidak ada. Yang adanya nak bersih parit taliair, itu peruntukan besar, bagus jugak bersih parit taliairpun tapi kita tidak tahu setakat mana yang dihadapi oleh para petani berkaitan dengan kekotoran dan ketidak-bersihan parit taliair yang berlaku sekarang ini. Tapi yang saya nak sebutkan perkara yang paling penting tidak diutamakan, sama ada Kerajaan tidak ada perancangan atau tidak ada duit salah satu daripada dua itu.

Kemudian kalau saya pergi kepada B.12, seterusnya B.13, B.14 – Pejabat Daerah. Saya menyangkakan bahawa peruntukan tambahan akan diberikan kepada Pejabat-Pejabat Daerah untuk membanyakkan lagi projek-projek di dalam kampung, dalam kawasan-kawasan Pilihanraya, di luar-luar bandar yang diperlukan oleh rakyat pada masa ini. Tetapi sebenarnya tidak ada keutamaan itu diberi yang ada ialah dalam perbelanjaan pembangunan yang dibentangkan ialah RM2 juta sahaja di bawah Pejabat Menteri Besar itupun nak menyelenggarakan projek-projek kecil di bawah kawasan-kawasan Pilihanraya dan sebagainya. Tidak ada, sama ada tidak ada perancangan ataupun tidak ada duit.

Kemudian yang banyaknya ialah untuk menyelesaikan masalah JKKK. Perpindahan dan peralihan daripada JSR kepada JKKK, kita boleh tengok perkara ini dalam Pejabat Daerah Besut, Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Pejabat Daerah Dungun, Pejabat Daerah Kemaman dan boleh jadi keseluruhannya. Itu sahaja perbelanjaan besar yang ditumpukan, adapun perbelanjaan yang lain, tidak ada. Sama ada Kerajaan tidak ada perancangan ataupun memang Kerajaan tidak ada duit, yang mana satu saya tidak tahu.

Kemudian selain daripada yang saya sebutkan itu, saya menjangka apabila soalan banyak timbul, saya baca dalam Soalan Bertulis dan Soalan-soalan Lisan berkaitan dengan kemiskinan. Bagaimana hendak mengatasi kemiskinan, saya menjangkakan bahawa satu peruntukan tambahan yang besar yang akan diberikan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang membolehkan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau EXCO Kebajikan membelanjakan wang yang lebih banyak lagi untuk mengatasi masalah kemiskinan yang dihadapi oleh rakyat negeri Terengganu. Tapi bila saya lihat ada RM100,000 sahaja itu nak tambah elaun pegawai, lebih

masa dan sebagainya. Tiada peruntukan-peruntukan baru, perancangan-perancangan baru yang dibuat untuk mengatasi ini. Jadi yang besar sedikitnya ialah B.32 – Pelbagai, saya mengharapkan mungkin B.32 itu lebih banyaklah lagi untuk mengatasi masalah-masalah yang segera tetapi tidak ada.

Pokoknya kalau saya bercakap panjangpun itulah sekitarnya Kerajaan sekarang ini nampaknya dari sudut merancang perancangan pembangunan lebih lemah daripada Kerajaan hak 4 tahun dahulu sebelum daripada ini. Duitpun tengoklah, 'dok-rok-cetong' jugak, RM11 juta saja tambahan sepatutnya ada pertambahan RM200 juta baru boleh perkemas, ini tidak ada. Dulu bila kita bentangkan Bajet, dia kata Bajet Khayal, Bajet itu dan sebagainya tetapi bila sampai di sini, tidak ada. Dan, saya tengok juga takut ada perbelanjaan untuk membantu Pasukan Bolasepak ke, biar Pasukan Bolasepak kita meningkat, tak ada. Dulu ada jugak sekali masa zaman pemerintahan Pas dulu, menang jugak sekali jadi Johan, kelmarin itu kita ingat jadi Johan tapi tak tahan lama saat akhir dah masa tambahan dah 3 – 0 masuk, tak adakah cadangan untuk memperkuatkan Pasukan Bolasepak kita. Barangkali Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, rasa gelisah sikitlah mungkin Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua yang memimpin. Dulu fasal kata menangpun bertuah saja, itupun Barisan yang latih, kita tak kira siapa latih Pasukan Bola Terengganu, asal menang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat tengok tak malam kelmarin?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat tengok tak malam kelmarin?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tengok

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tengok t.v., kalau t.v. siar tak betul tu, salahlah (Ketawa) Kalau t.v. siar tak betul, memang saya salah.

Kemudian, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tengok – Terengganu Membangun, saya tengok jugak Terengganu Membangun, cumanya istimewanya Kerajaan sekarang ada satu keistimewaan dia boleh buat pohon plastik, itulah yang diwarwarkan. Pokok plastik saja 6 bulan ini boleh buat pokok plastik saja, saya tengok pokok plastik ini dia siram ke tidak tak tahu. Ada setengah tu saya nampak

macam siram jugak pokok-pokok plastik ini. Jadi kalau setakat tu orang kata 'dok-rok-cetong' jugak, dok-soh cakap besarlah.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Penjelasan Dato' Yang Di Pertua, barangkali hak Yang Berhormat tengok siram bunga plastik orang gila barangkali, orang hak tengok orang gila jugak.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Guana satni?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dok, hak tengok siram bunga plastik ni orang gila barangkali.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Mungkin Yang Berhormat Wakil Kijal ini bawah dia, mungkin dia lantik pegawai gila, petugas-petugas gila dia lantik? Makna kalau macam tu malulah seorang EXCO membenarkan pekerja-pekerja, petugas gila bekerja di bawah jabatan dia.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Awak nampak, saya tak pernah nampak?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini dak nampak kalau awak kata gila pegawai tu gila, awak yang lantik. Awak bukan tengok sokmo, Wakil Kijal mungkin dulu dia sepak bakul orang ler-ni tidak sepak bakul orang.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Betul dok, jangan fitnah jugak kita ni. Hah! Saya cabar sumpah Quran, buang serban atas kepala, bercakap fitnah, apa.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Serban ini kena cakap betul, takdok serban boleh cakap pelawok.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dah, nak sumpah Quran ke tidak ni?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Awak mengaku Quran betulkah, awak ikut Qurankah, awak nak janji sumpah Quran?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Cakap baham rambang sekali.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bagi kamu baham rambang, bagi saya betul.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Itu fitnah, cakap apa fitnah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bagi awak fitnah, saya kata betulpun fitnah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Fitnah guana, kita sumpah Quranlah, orang Islam.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya cabar awak sumpah Quran selepas keluar Dewan ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sumpah nak buat benda, kalau awak melaksanakan hukum Quran saya boleh bersumpah tapi

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Apa benda main tak ke lain pulak main ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya. Sikit-sikit sumpah, sikit-sikit sumpah. Tadi saya tanya awak bercakap betul ke tidak, dia cakap betul walaupun tak betul

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat, saya mintak Yang Berhormat teruskan ucapan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kata pokok plastik sikit marah dah, sabarlah kawan lama saya.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya ada rekod, Pas tanam dulu pokok bunga ini, baru-baru ini kita bayar. Dato' Yang Di Pertua, lepas ini, tunggulah saya akan jawab selepas ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sebab itu tadi saya tanya – Adakah tender-tender MPKT lulus dah, adakah Kerajaan batal semula. Dia kata takdok, saya tanya dia bercakap betul ke tidak, dia kata betul, kalau betul baguslah, saya bimbang takut tak betul. Jadi saya rasa, saya nampak Yang Berhormat nampak nak marah dah, saya berhenti setakat inilah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Manir. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang hendak bercakap? Sila Yang Berhormat Wakil Batu Burok.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan. Saya bila melihat permohonan Belanjawan Tambahan ini saya rasa sesuatu perkara yang tak betul dan tidak kena kepada peraturannya. *Now*, mengikut kaedah dan peraturan keperluan Belanjawan Tambahan ianya adalah berbeza daripada keperluan Bajet. Jadi oleh itu, tak timbul soal dikemukakan kepada Dewan cadangan sekian banyak, disyorkan lulus sekian banyak. Ini peringkat Jawatankuasa Kewangan untuk menilai bagi mengemukakan Bajet Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Tetapi peruntukan undang-undang diberi bagi membelanjakan sesuatu perkara untuk sesuatu perkara yang tak dapat ketika kita menyediakan Bajet kerana pada ketika itu masih lagi tak dapat dilihat *'yet to be foreseen'* dengan izin, Dato' Yang Di Pertua. Tetapi kita yakin mungkin projek ini akan dilaksanakan tahun ini *'current year'* dengan izin, mungkin pada ketika itu kajiannya belum sempurna lagi tetapi bila kajiannya sempurna dan kita perlu segera maka ASV ataupun Belanjawan Tambahan boleh dikemukakan kepada Dewan. Pada ketika itu kita pasti tahu berapa jumlahnya *specific* dengan izin, barulah kita panggil *Application of Supplementary Vote*. Kalau tidak, sekarang ini kita dah bulan sepuluh (Oktober) ianya tunggu dua bulan setengah lagi, sebulan lagi kita akan *table* Bajet. Belanjawan ini akan dimasukkan kepada Bajet kerana ianya adalah biasa tahunan. Dato' Yang Di Pertua, oleh itu saya haraplah supaya Jawatankuasa Kewangan Negeri yang dipimpin sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang begitu berpengalaman dan cakna kepada kaedah-kaedah peraturan dan undang-undang memimpin dan membimbing supaya sama ada Belanjawan ataupun Belanjawan Tambahan mestilah mengikut kesusilaan perbelanjaan dalam pentadbiran.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dengan adanya peraturan ini maka katakanlah di dalam Bajet kita letak *Token* RM10 ianya perlu dibelanjakan maka kita belanja terpaksa dibelanja sebelum diluluskan inilah *Retroactive Effect Approval* dengan izin, kelulusan yang diberi terkemudian untuk memberi kuasa kepada perbelanjaan itu masuk di bawah ASV ataupun Belanjawan Tambahan. Tetapi bukannya pada ketika ini kita meraba-raba, kita mencari-cari berapa sebenarnya belanja sampai akhir tahun daripada Julai, daripada Jun sampai akhir tahun. Ini Bajet Dato' Yang Di Pertua, bukannya Belanjawan Tambahan.

Saya rasa dukacita satu lagi perkaranya yang paling jelas dan terserlah. Cuba lihat muka surat 10 Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita tak tersasul dalam perkara ini. Muka surat 10 sebagai satu contoh yang paling besar, ini kita perlu lihat kerana kita Yang Berhormat yang bertanggungjawab, JD JKR Kuala Terengganu, dengan izin; Peruntukan Dalam Anggaran – RM80,000, Tambahan Dikehendaki – RM2,115,180.42, permohonan tambahan ini dapat pergi kepada angka sen yang terkecil 42 sen tiba-tiba kita syorkan luluskan RM990,000. Tak betul, kalaulah komitmen kita yang dibelanja terpaksa RM2 juta sampai 42 sen maka berkewajipanlah kita menghormati apa yang dibelanjakan oleh pentadbiran dalam menguruskan jentera Kerajaan Negeri. Tetapi yang mendukaditakan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita lihat penjelasannya – Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah untuk menampung kerja-kerja penyelenggaraan di seluruh negeri sepanjang tahun 2004. Ini Bajet, tetapi takkanlah JD Kuala Terengganu membelanjakan *extra-territorial* membelanjakan daerah-daerah lain *impossible* tak betul, Dato' Yang Di Pertua. Saya harap kita lebih cermat kerana kalau di bawah Pengarah JKR saya boleh menyetujuinya tetapi bila belanja *specific* untuk Kuala Terengganu tak sepatutnya dibelanjakan di Kemaman, di Besut, di Setiu kerana JD Setiu, Besut dan Kemaman mempunyai bidang kuasa dan *territory*-nya dengan izin, yang tersendiri.

Oleh itu Dato' Yang Di Pertua, dalam kita mengemukakan *items* butir-butir perbelanjaan tambahan ianya mestilah tepat pada perbelanjaannya, butir apa untuk dibelanja dan untuk nak bahas ASV inipun kita tidak boleh bahas sepertimana kita bahas Belanjawan, butir mana, tempat mana, apa dia, ini disyaratkan begitu bukan Belanjawan yang umum. Pernah ketika itu kita bahas secara umum kerana ianya *cover* seluruh tahun, seluruh negeri Terengganu tetapi bila kita pergi kepada ASV Belanjawan Tambahan kita mestilah tepat dan apa yang diperlukan mestilah disempurnakan. Oleh itu jika sekiranya tambahan yang dikehendaki oleh pentadbiran ialah RM2,115,180.42 maka saya harap Dewan ini mestilah menghormati *'you must honour'* Belanjawan yang telah dikeluarkan oleh pentadbiran kerana ini tanggungan kita tak boleh kita nak anjak ke tahun depan baru kita lulus kerana permohonan ini *specific* tepat kepada butir Belanjawan.

Dato' Yang Di Pertua, sebelum itu cuba kita imbas kembali bagaimana dari punca mana wang yang kita nak luluskan pada hari ini RM11 juta walaupun kecil dikatakan oleh Yang Berhormat Manir tetapi ianya mestilah menurut kaedah-kaedah, peraturan-peraturan Belanjawan dan duit ada-duit tak adanya. Kalaulah duit kita ada kita boleh belanja, kalau duit tak ada kita buat pinjaman tak boleh kita nak belanja dulu pinjam kemudian kerana ini bertentangan dengan Peraturan Kewangan. Dato' Yang Di Pertua, kita imbas kembali, lihat kepada buku Belanjawan Negeri Terengganu 2004, Cukai Hasil yang diperolehi ialah RM864,462,627.00 ini buku Belanjawan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Hasil Bukan Cukai - RM175,641,517.00, Terimaan Bukan Hasil seperti Geran dan sebagainya – RM84,747,126.00. *Now*, cuba kita lihat pecahannya; Bukan Cukai RM175,641,517.00 dari situ kita ada dua Terimaan Bukan Cukai – RM84,747,126.00 menjadikan ianya RM260,308,643.00 ini hasil yang menjadi nadi penggerak bagi negeri Terengganu. Kalaulah kita tidak mempunyai kewangan ini sama ada Pas memerintah, UMNO memerintah, BN memerintah kita tak dapat mentadbir negeri dengan baik. Bagaimana hasil ini terjadi? Buku yang diwarisi oleh Kerajaan Pas 4 tahun memerintah menggambarkan catitan dalam sejarah bahawa negeri Terengganu mempunyai hasil daripada royalti petroleum pada ketika itu tidak lebih daripada RM500 juta satu tahun. Itu hasil minyak, jualan minyak ketika itu \$18.00 dollar satu tong, sekarang ini berita terkini \$52.00 dollar satu tong hampir RM200.00 satu tong. Bermakna kalaulah dulu kita terima hanyalah RM500 juta satu tahun sekarang ini dengan royalti yang kita akan perolehi hampir RM2 bilion satu tahun bagi negeri Terengganu. Dan dosa yang paling besar Yang Berhormat Yang Di Pertua, dosa yang paling besar yang dilakukan pengkhianatan ke atas rakyat Terengganu, Kerajaan Terengganu ialah UMNO yang hilang kuasa pada ketika itu menyerahkan, mengarahkan, menggalakkan, mendesak Pusat supaya merampas hasil royalti petroleum ini daripada rakyat Terengganu, daripada negeri Terengganu. Dengan itu kita kehilangan pada perkiraan hari ini hampir RM2 bilion satu tahun. Saya harap Yang Amat Berhormat Dato' Seri menggunakan segala kebijaksanaannya, segala pengaruhnya, segala kekuatannya kembalilah hak rakyat ini, kembalilah hak Kerajaan ini, janganlah bila kita kalah kerana Demokrasi berkehendakkan begitu biarlah kamu tak boleh, akupun tak boleh juga. Hari ini kita menderita, hari ini rakyat kita menderita nak cari RM11 juta ini tak ada duit. Kalaulah Kerajaan Pas 4 tahun dulu tidak cermat mengumpul wang, mencari duit seperti ter jelas bahawa kita meningkatkan pada ketika itu hasil cukai daripada RM200 juta lebih kurang kepada RM364 juta. MAIDAM daripada RM11 juta naik kepada RM42 juta, ini hasil kecermatan kita. Oleh itu Dato' Yang Di Pertua, untuk membelanjakan RM11 juta ini kita mestilah cermat, kita mestilah bertanggungjawab dan kita mesti faham bagaimana wang Kerajaan mestilah dibelanjakan kerana Peruntukan Perlembagaan berkata 'Tidak boleh satu sen daripada Akaun Yang Disatukan (*Consolidated Fund*) dikeluarkan melainkan melalui *Supply Bill* ataupun Rang Belanjawan'. Oleh itu Dato' Yang Di Pertua, cuba kita lihat lagi dengan lebih teliti di sini. Daripada RM48.4 juta hasil selepas ditolak Anggaran Terimaan daripada royalti yang bersih ialah Cukai Tanah – RM23.03 juta, Tunggakan Cukai Tanah – RM4.67 juta, kedua-dua ini yang menjadi nadi tertinggal untuk *survivor*, untuk hidup matinya Kerajaan Negeri hasil tanah sahaja dan ini telah berjumlah RM27.7 juta. Yang kedua, Hasil Royalti Air yang kita jangka pada tahun 2004 ini ialah RM6.436 juta dan saya mintaklah supaya Kerajaan yang sedang memerintah ini jangan jadi 'Pisang Berbuah Dua Kali' menyerahkan hak air (royalti) kepada Kerajaan Pusat. Dalam keadaan tersempit, terperap tak ada lagi puncanya, tak ada

sumber lagi, *last-last* nanti tanah juga akan diserahkan kepada Pusat. Jadi ini pewaspadaan yang saya mintak Yang Amat Berhormat yang memimpin

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya belum habis lagi. Yang memimpin Kerajaan Negeri ini Awak ada masa. Untuk melihat supaya kita tidak terhilang daripada hak kita ini

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon laluan Yang Di Pertua,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang ketiga, Royalti Kayu Kayan – RM13.6 juta

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apa yang dikatakan oleh Wakil Batu Burok itu tidak berkait dengan apa yang diperbahaskan pada hari ini, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terkumpulnya hasil selain daripada Cukai tadi ialah RM47 juta yang baki kita perolehi daripada lain-lain sumber Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua hanyalah RM691,000.00 sahaja

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya pohon campur tangan Dato' Yang Di Pertua kerana perkara ini tidak ada kena mengena dalam apa yang dibahaskan dan dibawa ke Dewan ini, Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalaulah dengan RM691,000.00 apa yang kita boleh belanjakan untuk rakyat kita yang hampir 1 juta pada hari ini, apa dia? Oleh itu cubalah kita lihat kepada perincian permohonan tambahan ini kalau-kalau ianya memerlukan kepada suatu penelitian kewangan yang lebih cermat.

Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Wakil Manir tadi melihat kepada keseluruhannya peruntukan ini dipohon untuk penstrukturan semula JKKK ataupun pembentukan semula JKKK dan juga pemansuhan JSR. Kita lihat keseluruhannya semua daerah-daerah diberi pemberian negeri hampir RM½ juta. Kuala Terengganu dengan *exception* dengan pengecualian Yang Berhormat Dato' Yang

Di Pertua, sebanyak RM707,000.00 lebih. Mengapa ini berlaku, apa jadi pada Hulu Terengganu, Hulu Terengganu tidak ada JKkkah, tidak ada JSRkah? Kenapa dan JKkk, JSR ini satu institusi yang berbeza pada nama tetapi ianya pada hakikat ialah tenaga sokongan kepada jentera pentadbiran negeri bukannya tenaga sokongan jentera Kerajaan Pusat, hak Kerajaan Negeri inilah peruntukan Perlembagaan. Tetapi semasa UMNO dan BN tidak memerintah Terengganu JKkk ini ditubuhkan untuk alternatif kepada JSR bagi perkhidmatan akar-umbi di kampung-kampung, suatu pelanggaran peruntukan Perlembagaan. Tetapi tiada siapa yang mahu memperbezakannya kerana nikmat kepada rakyat alhamdulillah pada ketika itu yang datang mencurah-curah termasuklah kepada JKkk ini sendiri. Dengan elaunnya yang berbeza kerana semasa Pas mengambil alih hanyalah Pengerusi yang diberi RM150.00 sebulan, Setiausaha diberi RM120.00 sebulan tak diberi lagi elaun ini tetapi bila kita tubuh balik kita masukkan UMNO pun ada bekas, JKkk pun ada, satu kebimbangan berlaku maka Pusat menubuhkan JKkknya sendiri elaun yang lebih lumayan, cerita kata saya tak tahu. Pengerusinya lebih kurang RM450.00, ahli-ahlinya juga berelaun, ini boleh disahkan oleh orang-orang UMNOnya sendiri sayapun tak tahu tetapi inilah yang mewarisi kita pada hari ini kenapa perlunya peruntukan ini ialah untuk membelanjakan bagi penstrukturan semula JKkk yang sepatutnya setelah Pusat mengambil alih, peranan menubuhkan JKkk ini dalam keadaan duit kita telah diambil secara salah-betul, belum lagi diputuskan oleh Mahkamah biarlah JKkk ini ditanggung terus oleh Pusat. Jangan lagi kembalikan lagi pada ketika ini walaupun tidak ada JSR. Kita akan menyelamatkan paling kurang RM3 ½ juta, Dato' Yang Di Pertua.

Jadi inilah apa yang berlaku pada hari ini kalau kita lihat suatu perkara yang kita mencari beban yang sepatutnya tidak dibebankan pada kita lagi samalah seperti mana bila negeri terpaksa mengambil alih sebahagian besar daripada tanggung jawab Pusat mengenai pendidikan. Kita terpaksa adakan Sekolah-sekolah Negeri kita dan sebagainya kerana menampung keperluan rakyat negeri yang sepatutnya pendidikan ini 100 peratus di bawah Perlembagaan tanggungjawab Pusat. Janganlah kita ambil dalam keadaan kita tidak mempunyai keupayaan kewangan pada hari ini. Inipun Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau kita lihat antara satu daerah dengan satu daerah yang lain keperluannya berbeza. Sepatutnya kalaulah penstrukturan semula JSR, penstrukturan semula JKkk, semua daerah yang dilantik semula JKkk ini mempunyai kaedah yang sama untuk bayaran, sama ada elaunkah, nak bayar imbuhanakah, cuba Ahli-ahli Yang Berhormat lihat kepada nota yang ada di hadapan kita kalau ini saya cuba *mislead* Dewan dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak mintak Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat sendiri melihat sebagai contoh 1 – 2, dia bermula dari daerah Besut. Tambahan Yang Diperlukan bagi daerah Besut ini ialah sebanyak RM556,000.00, Tambahan Peruntukan Diperlukan bagi menampung pembayaran

imbuan JKKK bagi tempoh Jun hingga Disember. Jun hanyalah bayar kepada JKKK sahaja – imbuhan, apa dia sekim, kita tak tahu tapi saya dimaklumkan bahawa Pengerusi JKKK pada hari ini terima RM350.00 sebulan, Setiausaha menerima RM250.00 sebulan, Timbalan RM200.00 sebulan, Bendahari dibayar secara tahunan. Tak tahu banyak mana, ikut budi bicara dan yang lain-lain hanyalah menerima Elaun Mesyuarat sahaja yang sepatutnya beban ini dipikul oleh Kerajaan Pusat yang telah mengakui yang telah sanggup membayarnya daripada Peruntukan Pusat jangan kita kisah, kita mahu perkhidmatan mereka. Ini untuk membayar imbuhan kepada JKKK Jun sampai Disember. Kalaulah benar Kerajaan Negeri mahu mengambil alih kekuasaan ke atas JKKK maka ianya bukan suatu perkara yang mendesak yang mesti hidup matinya diluluskan dalam *ASV* (Permohonan Tambahan) ini kerana kita boleh masuk dalam Bajet bulan 11 ini insya-Allah. Yang ini hingga tahun akhir Pusat boleh bayar jangan bebankan kepada kita kerana dia telah membayarnya dan dah ada *vote* ada peruntukan baginya untuk membayar bayaran kepada JKKK ini.

Anihnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, cuba kita lihat Dungun, Tambahan Peruntukan diperlukan bagi menampung pembayaran elaun dan kemudahan JKKK sehingga Disember. Tak tahu sejak bila, sebelum Pilihanrayakah, selepas Pilihanrayakah, sehingga Disember yang tadi ada Jun sehingga Disember. Berbeza, kalaulah ini telah diselaraskan dan dibincang diperingkat Jawatankuasa Kewangan Negeri, saya tak fikir perkara seumpama ini akan berlaku yang menunjukkan keterserlahan Jawatankuasa Kewangan Negeri tidak cermat di dalam mengemukakan perkara ini kepada Dewan yang mulia ini. Kemudian cuba kita lihat kepada Kemaman, Kemaman alhamdulillah daerah yang kaya kepada Majlis Perbandarannya tetapi di sini Tambahan Peruntukan diperlukan berikutan pembubaran JSR serta pembentukan dan penstrukturan semula JKKK. Pembubaran JSR tak memerlukan peruntukan kewangan kerana jika perlu sekalipun peruntukan telah ada di dalam peruntukan Bajet 2004, peruntukan telah diberi dan JSR hanyalah hidup sehingga 21 haribulan Mac sahaja. Saya dimaklumkan tidak ada imbuhan dibayar, elaunpun tidak dibayar sampai ke situ, dibayar sehingga 21 Mac sahaja. Jadi tak timbul soal kerana pembubaran ini macam kita bubar syarikat ada *liability* yang kita bayar, ini bukan syarikat, perkhidmatan sambil tambahan sahaja. Kita lihat yang lain pula, daerah lain, Hulu Terengganu – tidak ada, tidak ada JKKK, tidak ada JSR, belum ada pemberian. Kuala Terengganu Tambahan Peruntukan diperlukan bagi menampung bayaran imbuhan dan pelbagai perbelanjaan JKKK bagi bulan Jun sehingga Disember. *Now*, Perbelanjaan Pelbagai bukannya isu Belanjawan Tambahan. Pelbagai dimasukkan sebagai Belanjawan/ Bajet, *yes* kerana dia belum *crystallize* dengan izin, dia belum ditentukan apakah dia yang kita nak belanja tetapi ada hasrat kita yang berkait dan berkesampingan dengan perkara tersebut. Marang RM380,000.00, Tambahan Peruntukan diperlukan adalah untuk menampung bayaran ganjaran kepada 'JKR', ini JKR pulak,

JKR boleh ganjaran apa pulak di sini? Cuba tuan-tuan, Yang Berhormat tengok semua, muka 15, kalau *typing error* pun maklumlah kepada Dewan awal, kan ada kaedah *correction* pembetulan dan sebagainya. Dan, elau kepada JKKK, kalau katakan ganjaran kepada JSR sayapun ucapkan terima kasihlah *at least* mereka yang telah berkhidmat juga diberi ingatan dan penghargaan di atas perkhidmatan walaupun bukan lagi kita yang memerintah dan saya harap keadilan, kesaksamaan ini akan berlaku di dalam pembayaran ini, insya-Allah. Setiu daerah yang kecil memerlukan sebanyak RM323,570.00 untuk apa? Tambahan Peruntukan diperlukan adalah menampung bayaran ganjaran kepada JSR dan bayaran elau kepada JKKK yang dilantik. Adakah hanya Setiu dan Marang sahaja yang membayar imbuhan kepada JSR? Daerah-daerah lain tak dibayar, ini dasar, kalau dibayar di Setiu, dibayar di Marang mestilah daerah-daerah lainpun akan menerima bayaran yang sama. Tak boleh kita *discriminate* dengan izin, kita asingkan Marang boleh, Setiu boleh tetapi daerah-daerah lain tak boleh dan Hulu Terengganu langsung tidak diiktirafkan JKKK sama dengan JSR ini.

Dato' Yang Di Pertua, saya rasa itulah sedikit sebanyak yang dapat saya sumbangkan untuk memperingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya EXCO dan kepimpinan teratas kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar semoga kita lebih cermat di dalam kita mengemukakan sesuatu dokumen kepada Dewan ini kerana ianya akan duduk dalam lipatan sejarah sebagai kajian. Terima kasih, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih Wakil Batu Burok. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain lagi yang ingin bercakap. Tak ada?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Bagi pihak Kerajaan saya juga terkejut-duka mendengar perbahasan yang disampaikan oleh Wakil Manir sebentar kerana menyatakan hanya RM11 juta dimintak sepatutnya beratus juta dimintak untuk pembangunan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Tambahan Peruntukan ini adalah untuk Belanja Mengurus bukannya untuk projek pembangunan dan membangkitkan soal pembangunan menggambarkan seolah-olah Kerajaan tidak tahu nak berbelanja, dok tahu, takdok duit dan sebagainya. Sebenarnya Perbelanjaan (Belanjawan) akan datang akan dibuat pada November atau Disember akan datang untuk perancangan akan datang. Kita memerlukan Peruntukan Tambahan ini berasaskan kepada perbelanjaan yang telah dibuat oleh Kerajaan Pas dui. Kita mewarisi Bajet yang telah dibuat Kerajaan Pas. Kita mengambil alih pada bulan Mac sampai sekarang dan Perbelanjaan (Bajet) ini Perbelanjaan Mengurus terlibat dari segi pembayaran gaji dan elau kakitangan Kerajaan. Semasa Kerajaan Pas dulu, elau dibekukan tidak ada elau, tidak ada

bayaran lebih masa diberikan sebab itulah kita tengok Terengganu ni orang kata 'hanyar-banyar' sekali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Nak kata tak ada elaun, tidak ada gaji, bayaran itu tak betul, Yang Di Pertua, Kita kawal sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, memang kawal tetapi kawal 'dok-oh lalu'. Kakitangan Kerajaan peringkat bawahan kerja tidak boleh elaun diganti dengan cuti sedangkan puak-puak ni hak Buruh ini bukan cuti dia nak, dia nak duit 'fulus' Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon penjelasan Yang Di Pertua – Adakah kawalan tersebut pada masa itu melibatkan Wakil-wakil Rakyat dan EXCO jugak?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, apa yang kita dapat tahu Wakil Rakyat takdok kawalan, dia pergi melawat belaka nampaknya sampai ke Cina, sampai ke manapun, nak beli kereta *remote control*-pun pergi jugak.

Dato' Yang Di Pertua, begitu juga apa yang dibangkitkan oleh Wakil Batu Burok, dia nasib baik tak 'lawyer buruk' Dato' Yang Di Pertua. Kita perlukan perbelanjaan ini adalah untuk membayar elaun JKKK dan memang kita akui tidak sama satu daerah dengan daerah yang lain sebab bayaran elaunnya sama tetapi jumlah JKKKnya tidak sama. Jumlah yang ada, macam di Besut sampai 100 lebih, di Kemaman cuma ada 80 lebih memang tak sama, jumlah yang diminta, yang dipohon. Jangan mengelirukan orang ramai, orang tahu matematik belaka ni. Begitu juga dengan perkara-perkara yang remeh

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, saya tak pernah kata begitu, saya kata tolong baca. Penjelasan keperluan kewangan ini berbeza di antara daerah ke daerah, sepatutnya ianya dasar mestilah sama, walau elaun, imbuhan mesti serupa saja, itu saya katakan, *don't mislead the* Dewan dengan izin.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Betullah Dato' Yang Di Pertua, sama saja sebab itu jumlahnya tak sama. Dibaca tadi Besut RM500 lebih, hak ini RM300 lebih sebab berasaskan daripada jumlah JKKK itu sendiri. Elaunnya sama, RM350.00, RM200.00, RM250.00 itu yang disebut oleh Yang Berhormat ini betullah tu, jangan cuba mengelirukan Dewan.

Begitu juga saya merasa dukacita apabila melihat berbagai sikap orang Pas ini termasuk pemimpinnya yang Wakil Manir sebut tadi dia lihat 'Kuman di lautan nampak, gajah di tepi mata tidak nampak'. Sebut hal bunga plastik, saya nak sebut bunga plastik ini bermula sejak zaman Kerajaan Pas, saya ada rekod saya sebut Kuala Terengganu dulu Yang Berhormat, mula-mula Pas tanam 4 pokok nyior plastik di depan Stadium, warna hijau di hadapan pejabat kita ni, pergi tengok sikit lagi kalau mata tak nampak. Tarikh ditanam 2002 – 4 batang

YANG BERTHORMAT DATO' HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya bercakap soal pembangunan. Peruntukan ini tidak menggambarkan satu pembangunan yang hebat cuma yang ada pokok-pokok plastik saja. Saya bukan hina mengadakan pokok plastik, itu kena faham, saya tidak menghina mengadakan pokok plastik cuma yang ketara nampak ialah pokok-pokok plastik kalau tiru hak Paspun tirulah takdok masalah. Kita tak marah dia tiru baca 'Bismillah' dengan 'Fatimah'pun buka Dewan kita tak marah kalau ditiru, kita kata yang ada, yang cakap warwar dulu, nak bangun pesat apa dan sebagainya tengok-tengok ada pokok plastik tambah hak tu saja.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, inilah orang Pas bila dia buat tidak timbul masalah, orang buat dia bising ceramah termasuk Pilihanraya di Kuala Berang baru-baru ini, bersyarah merata hal bunga plastik. Hah, ini saya nak jawab ini, ini giliran saya pulaklah ni, tadikan janji dah tadikan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tapi jangan putarbelit fakta.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dok putar, dok putar ni

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya bukan marah hak pokok plastik kerana itu sahaja keupayaan Kerajaan Barisan Nasional, buatlah pokok plastik banyak lagi sebab saya tidak mampu buat yang lain kecuali pokok plastik itu.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Giliran saya jawab pulak ini tak apalah. Saya nak baca saya kata, ini fakta.

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak minta penjelasan sedikit – Tadi ada Wakil Manir ada tanya maknanya Kerajaan hari dah tiru apa yang Kerajaan Pas buat dulu 'Bismillah' dan

sebagainya. Maknanya Islam itu orang Pas sahaja Islam ni, saya nak mintak penjelasan daripada orang Pas, Islam itu Paskah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua, sebelum daripada Pas memerintah ini takdok hak baca 'Fatihah-Fatihah' ini, saya jadi Ahli Dewan sejak tahun '82, dok rajin lepas Pas buat ler-ni baru tiru buat.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Maknanya yang jelas di sini Islam itu Pas, Pas itu Islam? Saya nak minta penjelasan daripada Wakil Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Itu ikut saudaralah, ikut Wakil Rantau Abang? Bukit Besi, minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Buka spek tu, tengok molek sikit, jawipun ada rumipun ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Wakil Bukit Besi, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, itu hak Yang Berhormat Wakil Bukit Besi nak tanya – Pas Islam, Islam itu Pas, itu ikut pandailah, ikut tafsiran Yang Berhormatlah. Kalau Yang Berhormat tafsir Pas itu Islam, Islam itu Pas, ikut sukalah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Okey, Dato' Yang Di Pertua, sebatang pokok Kelapa yang ditanam oleh Pas berharga RM8,500.00 jumlah RM34,000 tanpa kos pemasangan, tidak termasuk. Di Kemaman semasa zaman pemerintahan Pas tanam pokok bunga plastik berjumlah RM189,424.50, saya nak sebut malah harga yang dibuat

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon laluan, Yang Di Pertua - Ertinya ceramah-ceramah yang dibuat oleh pemimpin Pas di Kuala Berang baru-baru ini mengatakan bahawa UMNO memulakan pembaziran dengan menanam pokok plastik ini sebenarnya dimulakan oleh Pas dulu, betul atau tidak?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Betul, Dato' Yang Di Pertua, hak tu saya katakan tadi Pas, dia 'Kuman di seberang laut nampak, gajah di tepi mata tidak nampak'. Contohnya saya baca Dato' Yang Di Pertua, kerja-kerja membekal dan memasang, *testing* dan *commissioning* lampu hiasan pokok Palma di Taman Mini Da Omar Kemaman, Terengganu oleh South Asia Growth Sdn. Bhd, 3 set RM20,000.00, tarikh mula 25.3.2003, tarikh siap 15.4.2003. Yang kedua,

membekal dan memasang lampu hiasan oleh syarikat yang sama yang melibatkan pokok Kelapa Sawit, pokok Kelapa berwarna-warni serba hak merah ada, kuning ada, hijau ada, jumlahnya RM73,000.00 Dato' Yang Di Pertua. Tanam pokok Kelapa di sepanjang jalan Bandar Baru Kerteh RM20,000.00 - 13.10.2003. Malahan ada satu kes Dato' Yang Di Pertua, semasa pemerintahan Pas menanam pokok Kaktus bernilai RM8,424.50 disiapkan pada bulan Disember 2003 tapi oleh kerana tidak ada peruntukan ditanam dulu baru dibayar pada 27.8.2004.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan – Dia bayar tu, awak bayar bukan kita bayar.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Aah, ni-lah kata! Tengok ni, orang boleh tengok belaka buat pada bingungnya Wakil Rakyat Batu Burok (Dewan Gelak) Hak begini nak bangkit jugak, nampaklah tak berapa cerdiklah tu. Cucuk, cucuk jugak tetapi tersalah cucukkan boleh sakitlah.

Dato' Yang Di Pertua, inilah dikatakan tadi sebab itu saya kata pemahaman Wakil Rakyat Pas kurang jelas dan mengelirukan kerana kita lihat bagaimana Permohonan Tambahan Peruntukan ini dibuat bagi memenuhi tuntutan semasa kerana Kerajaan Negeri prihatin rakyat terutama di kalangan pekerja-pekerja di peringkat bawahan mengeluh pendapatan mereka berkurangan walaupun *overtime* kadangkala RM80.00 saja sebulan tetapi RM80.00 itu besar bagi mereka. Tetapi bila Kerajaan Pas tidak mengambil kira akan keperluan ini, kita sebagai sebuah Kerajaan prihatin dan bertanggungjawab sebab itu baru-baru ini untuk menjaga kebersihan bandar kita, kita beri *overtime* sepenuhnya buatlah kerja siang-malampun asalkan bandar kita bersih. Oleh kerana 4 tahun lebih tak pernah diambil cakna oleh Kerajaan terdahulu sebab itu tengok longkang tersumbat, semua tersumbat sehinggakan pekerja-pekerja MPKT akhirnya *surrender* minta maaf dah dia kata, dok-cakap-doh nak *overtime*. Dulu nak *overtime* sangat tapi sekarang takmbah dah *overtime* sekarang, dok-cakap dah, banyak sangat *overtime*. Sebab itu kita kata, kita hendak bandar kita bersih, cakap saja Islam Bersih tapi berkarat bandar Kuala Terengganu buat malu ke orang. Khabar Islam Bersih, jamban-tandas di masjid kita kotor, memalukan Islam, Islam bukannya slogan bukan kata-kata, bukan untuk ceramah, untuk dihayati untuk dilaksanakan biar diterima oleh orang ramai, ini yang dikehendaki, ini Islam Hadhari ni bukan agama baru (tepukan) Ini dijaja di kampung-kampung Islam agama barulah, macam-macam sekali. Orang Islam, khabar Ulamak, Ulamak fesyen apa lagu ni, tak betul dan mengelirukan rakyat, khabar hak betul. Mengeluarkan hujah, mengeluarkan fatwa, mengeluarkan tuduhan, sepak bakullah apa serba, ajak bersumpah takmbah pulak. Kita orang Islam, benda apa kita sebagai seorang Islam pilihan terakhir kita sumpah Quranlah kalau kita betul. Hak tak berani bersumpah tu tak betulah tu. Kita ada kredibiliti, jangan bercakap saja, kita bercakap dalam Dewan inilah yang hendak kita

pertahankan. Sebab itu Dato' Yang Di Pertua, saya melihat dengan suatu keadaan mentaliti pemimpin-pemimpin Pas kalau pemimpin macam ini berfikir apatah lagi rakyat bawahan sebab itulah bila kita memperkenalkan, kita kata kita akan kembalikan hak rakyat dalam manifesto kita, kita ada campur tangan dalam pentadbiran, elaun akan kita kembalikan akhirnya alhamdulillah. Hak dulu pangkah Pas, pangkah BN balik sebab itu kita memang (Tepukan) sebab janji kita, kita dah buatlah. Ini Pas janji nak buat itu, nak buat ini tapi satupun tidak buat sebab beri tempoh ke dia 4 tahun saja, beralih rasa sekali. Kita terpaksa ingat bukan dia kuat, Pas memang tahun 1999 bukan dia kuat tapi kerana kes mata lebam Anuar saja dok-soh-ek-lah tapi Pas ambil kesempatan. Jadi bercakap nak buat itu, nak buat ini, cap ayam belaka.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Di Pertua, mohon penjelasan – Barisan menang?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Menang yang sedang Dato' Yang Di Pertua. Jadi saya berharaplah di lain masa kita berhati-hati. Macam tadilah, bila kita bercakap, hak ni politik, hak ni politik sampai hak dalam Mahkamahpun nak bincang politik jugak, Wakil Marang sebut tadi ni susah, Mahkamah, Mahkamahlah politik guana? Jadi kita takmbah macam orang Pas sentiasa menjadikan politik sebagai agenda dia, bercakap sikit politik, buat sikit politik, yang fakta tetap fakta, kita ikut. Jadi saya percaya Dato' Yang Di Pertua, permohonan kita untuk menambah peruntukan ini adalah demi kesejahteraan rakyat Terengganu, demi kepentingan rakyat negeri Terengganu termasuk penyelenggaraan yang disebutkan tadi kerana longgang, jalan yang tidak dibaiki sejak 4 tahun lebih, jalan pecah, 'hanyar-banyar' sekali kita betul balik, longgang tersumbat kita korek balik sebab itu tahun lepas banjir besar sampai tenggelam hospital di Dungun tu sebab setiap tahun masa kita dulu kita buat penyelenggaraan longgang tapi biia Pas memerintah 4 tahun dok cara langsung, sebab tu ular besarpun naik, banjir besarpun naik, tenggelam habis.

Kita berharap Pas sedar, insafiah dengan apa yang mereka lakukan selama ini. Dosa-dosa yang telah mereka lakukan, kesilapan-kesilapan yang telah mereka lakukan akhirnya rakyat kembali memimpin dan memberikan kuasa kepada Barisan Nasional memerintah Terengganu – 'Terengganu Bestari', insya-Allah Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Wakil Ladang.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Wakil Manir dan Batu Burok.

Yang Berhormat Wakil Manir membuat gambaran seolah-olah Kerajaan Negeri tidak membuat apa-apa dari segi Pembangunan hanya mendapat peruntukan RM11juta sahaja. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita menggunakan kaedah yang lebih cerdas sebagaimana yang disyorkan oleh Yang Berhormat daripada Batu Burok tadi kalau boleh nak suruh guna duit Pusat untuk Pembangunan supaya tidak sentuh duit Kerajaan Negeri sebab itulah Dato' Yang Di Pertua dalam tempoh yang terdekat baru-baru ini, untuk Projek Jalan Kampung, kalau kita tengok masuk kampung ler-ni jalannya 'kilat-siur', hitam semua cat molek dah, 4 tahun tidak ada *maintenance* dan sebagainya yang dibuat di seluruh negeri Terengganu yang melibatkan peruntukan sebanyak RM36 juta yang diambil daripada Pusat. Jadi ini bagaimana kita berhemat mengguna duit Pusat untuk Pembangunan rakyat negeri Terengganu sebagaimana yang dicadangkan oleh Batu Burok itu hak JKKK tak seberapa sangat, kita ambil hak lebih besar lagi. Umpamanya, Pembangunan sebagaimana yang kita janjikan dalam manifesto, kita akan membuat Pembangunan yang tidak pernah dilihat oleh rakyat Terengganu sebelum ini. Begitu juga cuba kita lihat di Airport ini baru *refurbishment* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, untuk buat Airport lebih besar, lebih selesa untuk rakyat negeri Terengganu, bukan Airport baru tengah buat tu baru *refurbishment*, itu Kerajaan Pusat membelanjakan RM800,000.00 untuk memberi keselesaan kepada rakyat negeri Terengganu. Begitu jugak peruntukan-peruntukan untuk projek-projek kemudahan seperti LPT, semua ini merupakan peruntukan Pusat yang akan dilaksanakan tapi untuk belanja Pembangunan dalam tempoh dua bulan ini takkanlah kita nak mintak beratus-ratus juta ringgit dalam tempoh dua bulan ni. Jadi sekadar sebagaimana yang diperkatakan oleh Wakil Kijal itu tadi hanyalah untuk Pentadbiran sahaja.

Jadi dari segi Pembangunan, begitu juga yang disentuh oleh Wakil Manir berkenaan dengan air. Ingin saya mengambil peluang nak jawab sikit sebagaimana yang didakwa oleh soalan tapi tak sempat nak jawab tadi padan 'duk-ogeh' oleh Wakil Wakaf Mempelam. Bahawa air sebenarnya semakin baik tetapi kita tidak boleh, kita tidak ada lampu ajaib untuk menang, buat selepas ni, siap selalu paip air. Dia memakan masa terpaksa melintasi air Sungai Nerus dan sebagainya. Insya-Allah, tahun 2006 kita akan selesai tetapi banyak masalah di Kuala Ibai, Marang, semuanya sudah selesai sebagaimana yang kita janjikan apabila Loji Kepong sudah berfungsi separuh. Jadi keutamaan kita untuk menyelesaikan masalah rakyat kita tidak abaikan. Jadi dari segi Pembangunan, keutamaan ini kita buat secara seimbang merupakan salah satu daripada ciri-ciri Islam Hadhari. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Manir, Yang Berhormat Batu Burok yang telah sudi mengambil bahagian di dalam

pembentangan Tambahan Peruntukan yang telah saya kemukakan tadi. Terima kasih juga kepada cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh dua orang Yang Berhormat yang bijaksana yang mana yang baik insya-Allah akan digunakan dan diterima pakai oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan pentadbiran Kerajaan Negeri akan bertambah baik dari semasa ke semasa.

Sepertimana yang telah katakan tadi bahawa Yang Berhormat sampai memberi penjelasan tentang Bajet, insya-Allah akan kita bentangkan pada bulan 12 nanti yang mana insya-Allah akan saya buat pembentangan yang lebih jelas lagi, yang lebih besar lagi, yang lebih berjurus lagi. Oleh kerana kita tahu dalam masa yang singkat begini, dalam masa 6 bulan Kerajaan Barisan Nasional memerintah banyak perkara yang nak diselesaikan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat EXCO Infrastruktur itu tadi, sebenarnya Lapangan Terbang telah memulakan kerja-kerjanya sekarang ini pembesaran sedikit sahaja untuk memberi keselesaan kepada rakyat Terengganu telah dilaksanakan. Apron Lapangan Terbang baru telah ditender sebenarnya, kerja-kerja seterusnya pembesaran Lapangan Terbang baru, landasannya akan ditender tidak berapa lama lagi mengatakan bahawa apa yang kita janji dahulu kita buat. Itulah sebagai seorang Islam, apa yang kita kata itu, kita janji itu kita buat bukan kita nak cakap sedap, cakap di kampung-kampung saja (Tepukan)

YANG BERTHORMAT DATO' HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Pembaikan yang dibuat, pengubahsuaian yang dibuat di Lapangan Terbang ini di bawah Kerajaan Negeri ke itu tanggungjawab Kerajaan Persekutuan?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ia adalah di bawah peruntukan Kerajaan Pusat. Yang Berhormat Yang Di Pertua, sama juga janji kita untuk membina Lebuhraya, sekarang kerja-kerja memobilisasi dalam masa pendek 6 bulan, kerja-kerja memobilisasi telah bergerak dekat dengan Sungai Telemong di kawasan Kuala Berang kalau dahulunya 4 tahun habis 2 – 3 kilometer luas hari itu untuk buat Lebuhraya - 4 tahun. Syarikat Dua Ringgit dikatakan boleh membina Lebuhraya. Jangan kita berbohong kepada rakyat kerana rakyat cerdik sebab itulah rakyat telah memilih Kerajaan Barisan Nasional di Pilihanraya yang lalu(Tepukan)..... Semuanya telah kita rangkumkan sekali dalam Rancangan Program 5 Tahun kita yang telah kita bentangkan kepada Kerajaan Pusat untuk mendapat kerjasama mereka. Manakah duit yang harus disumbang oleh Kerajaan Pusat, mana duit yang perlu disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dan sehingga kini tidak masalah kita dalam mentadbir negeri sebab itulah kita mampu untuk memberi elaun-elaun kepada kakitangan Kerajaan yang dahulunya elaun ini disekat ataupun dikurangkan sedangkan EXCO-EXCO ataupun Yang Berhormat sedap saja nampak keluar negara. Hebat, kereta besar di Kuala Lumpur, Terengganu kereta kecil, naik

kereta di Kuala Lumpur BMW, hebat nampak. Kita tidak mahu mengelirukan rakyat Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Untuk pengetahuan Dewan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, banyak lagi program-program yang akan dilaksanakan, insya-Allah pada tahun hadapan saya mengatakan kita akan memulakan satu sejarah baru, satu tamadun baru di Terengganu insya-Allah pada tahun hadapan kita akan bangunkan 8 buah Sekolah Premier, 2 buah Sekolah Elit. Kita akan pastikan juga kita akan melaksanakan 150 Tadika Cemerlang, Tadika yang akan memberi apa yang diajarkan oleh agama kita dengan izin "Iqra' bismirobbikallazi-qallaq" untuk memastikan pendidikan itu diberi pengiktirafan bukan macam dulu, betullah 52 kawasan tanah telah diberi untuk 52 buah sekolah tapi beripun 'ber-okh gitu' saja takut rakyat kata sangat. Kadang-kadang setahun baru lulus, ada setahun setengah baru lulus. Caj pulak Kerajaan Pusat kadang RM1 juta, sentengah tu RM100,000.00 satu hektar tanah, berilah-berilah tapi beri cara tu tak berapa comel. Kita kalau kita sekarang saya telah mengatakan kita telah membuat keputusan apa-apa tanah untuk mendirikan sekolah yang dikehendaki oleh Kerajaan Pusat kita akan luluskan dalam serta merta sebulan, dua bulan kita lulus dah, dok-soh kira sangatlah berilah banyak manapun, ini untuk kepentingan bangsa kita di masa-masa yang akan datang sebab itu nak katakan lagi bahawa nak kata takdok duitpun baru-baru ini kita telah mula 4 tahun perintah, Masjid Kampung Buluh, Kuala Berang tak boleh buat lagi dan baru-baru ini kita telah memulakan nak tender masjid tersebut. Sama juga dengan lori-lori sampah, kekotoran yang berlaku kita telah bermula dengan membeli 24 *Compactor* Sampah dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua untuk memastikan perkara-perkara ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Tapi sebenarnya Yang Di Pertua, saya juga tertarik dengan kebijaksanaan Yang Berhormat-Yang Berhormat Pembangkang pada hari ini tapi malangnya kebijaksanaan itu tidak digunakan tepat pada masanya. Kalaulah kebijaksanaan ini digunakan dahulu tidak timbullah kawasan Empangan Kedua sebanyak 42,000 ekar hendak dibuka walaupun tidak ada kelulusan EIA, walaupun TNB tidak pernah mengumumkan dengan surat rasmi, nak buka jugak – takut.... takut, hebat hebat, 42,000 ekar main-main saja Dato' Yang Di Pertua. Jadi kalaulah kebijaksanaan, ketelitian, hak RM500,000.... hak RM5,000.00 itu ketelitian itu digunakan semasa memerintah dahulu alangkah hebatnya kita di Terengganu Dato' Yang Di Pertua. Sebab itulah, kalaulah ketelitian itu dibuat takkanlah kawasan kapur kita di Dungun itu dibuka begitu senang sekali, takkanlah kita tidak memastikan Sistem Perhutanan Lestari itu dapat dilaksanakan dengan baik. Inilah perkara-perkara yang sedang berlaku, takkanlah duit MAIDAM, duit zakat tu boleh beri ke anak EXCO, takkanlah duit MAIDAM digunakan untuk memberi *Projector* dan komputer-komputer yang hilang hingga sekarang. Takkanlah duit MAIDAM, duit zakat itu digunakan untuk meraikan Hari Keluarga, di manakah kebijaksanaan tersebut? Kalaulah masa kita memerintah kita guna kebijaksanaan tersebut jangan

masa orang lain memerintah baru nak bersorak di luar. Itulah saya katakan, walau bagaimanapun apa jua dikatakan yang baik Yang Berhormat ada jugak hak baikpun, saya terimalah kebaikan yang disyorkan itu dan kita memperbaiki apa yang perlu kita baiki, kita baiki kerana untuk kebaikan rakyat Terengganu keseluruhannya.

Itulah ulasan-ulasan daripada saya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dan saya pohon ianya mendapat memberi menafaat kepada kita untuk melahirkan sebuah negeri yang baik yang kita panggil menggunakan motto 'Islam Hadhari Terengganu Bestari'. Sekian, terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA ENAKMEN
PERBEKALAN TAMBAHAN (2004)(No.1) 2004,
DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA ENAKMEN
PERBEKALAN TAMBAHAN (2004)(No.1) 2004 TELAH
DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU
SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA
PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA ENAKMEN
PERBEKALAN TAMBAHAN (2004)(No.1) 2004,
DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 1/2004**.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian sebelum saya tangguhkan Dewan saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan 'Selamat Menyambut Puasa' yang akan tiba tidak lama lagi dan sama-samalah kita umat Islam menyambut ketibaannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Persidangan Dewan ini kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dengan sama-sama kita membaca Surah Al-Asr'.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.35 TENGAH HARI.

LAMPIRAN A

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 12 OKTOBER 2004

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1 (a)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI
WAKIL KEMASIK

SOALAN 1 : Kerajaan Negeri dikatakan akan menyiapkan laporan kertas putih mengenai aktiviti pembalakan ketika kerajaan PAS.

- i) Bagaimanakah status perkara tersebut sehingga kini.
- ii) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mendedahkan kepada rakyat mengenai hasil laporan kertas putih itu.

JAWAPAN : Kertas Putih Perhutanan yang disediakan oleh Jawatankuasa Khas telahpun disiapkan dan akan dibuat penelitian oleh satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Ahli-ahli Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan untuk menyiapkan Kertas Putih Perhutanan adalah seperti berikut :-

- i. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Mohamed Yusof bin Mohamed Bekas Hakim Mahkamah Agong (Supreme Court – (Pengerusi)
- ii. Y.Bhg. Dato' Dr. Wan Razali bin Wan Mohd Timbalan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

- iii. Y.Bhg. Dato' Dr. Baharuddin bin Haji Ghazali
Pengerusi Gaya Tunus Sdn. Bhd.
- iv. Prof. Madya Sulong bin Ibrahim
Pensyarah Kolej Universiti Sains dan Teknologi
Malaysia (KUSTEM)
- v. Cik Faridah binti Yusof
Peguam Mohd Sofian & Co. – (Urusetia)

Sebahagian daripada Laporan Kertas Putih tersebut boleh didedahkan kepada rakyat tetapi perkara-perkara sulit kemungkinan tidak dapat didedahkan kepada orang awam.

SOALAN 2 : Mengikut laporan, Kerajaan PAS telah menggunakan wang zakat sehingga hampir RM500,000.00 untuk perkara yang tidak sepatutnya.

- i) Kemanakah wang tersebut dibelanjakan dan jika ia untuk membeli peralatan tertentu, kemanakah peralatan tersebut.
- ii) Sudahkah Kerajaan Negeri mengambil tindakan undang-undang terhadap perkara tersebut.

JAWAPAN : i) Mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu pada 6 Februari 2003 telah meluluskan pembelian 32 unit Nec Micro Portable Projektor (LCD) dengan kos RM448,000.00 untuk diberi kepada Pegawai Penyelaras Mubaligh bagi setiap Dewan Undangan Negeri.

ii) Belum.

SOALAN 3 : Berapa banyakkah Badan Bukan Kerajaan di Terengganu dan berapakah di antara mereka yang aktif serta apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi membantu badan berkenaan.

JAWAPAN : Jumlah pertubuhan berdaftar di Negeri Terengganu dan masih aktif sehingga 31 Ogos 2004 ialah :-

Pertubuhan Biasa/Induk : 753
 Pertubuhan Bercawangan : 1,694

Jumlah Pertubuhan berdaftar mengikut kategori :-

Kategori	Pertubuhan Induk	Pertubuhan Bercawangan
Ugama	38	20
Kebajikan Masyarakat	95	25
Sosial dan Rekreasi	182	20
Wanita	9	27
Kebudayaan	28	12
Faedah Bersama	61	-
Perdagangan	70	24
Sukan	50	-
Belia	120	167
Pendidikan	10	5
Politik	-	1,339
Pekerjaan	22	8
Am	68	47
JUMLAH	753	1,694

Jumlah Pertubuhan yang tidak aktif dan dibatalkan pada tahun 2004 sehingga 31 Ogos 2004 :-

Pertubuhan Biasa/Induk : 8
 Pertubuhan Bercawangan : 17

Dibatalkan pendaftaran di bawah Sek. 13 (1) (d) Akta Pertubuhan 1966 kerana kegagalan mengemukakan Penyata Tahunan kepada pendaftar lebih daripada 5 tahun.

Langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi membantu badan/pertubuhan yang berkenaan ialah dengan mengadakan kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Terengganu melalui program :-

- i. Majlis Penyampaian Sijil dan Taklimat dengan NGO di Daerah Dungun pada 4 Julai 2004. Kehadiran 200 orang dan perbelanjaan terlibat RM1,500.00.
- ii. Majlis Taklimat dengan NGO di Daerah Hulu Terengganu pada 26 Ogos 2004. Kehadiran 200 orang dan perbelanjaan yang terlibat RM2,500.00.
- iii. Kerajaan telah meluluskan Bantuan Kewangan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO's) pada tahun 2005.
- iv. Kerajaan akan menubuhkan Majlis Perundingan Badan NGO's pada tahun 2005.
- v. Mengadakan Seminar/Bengkel dan kursus.
- vi. Memberi bantuan kepada tabung Khairat Kematian.

SOALAN 4 : Sehingga kini, berapa ramaikah rakyat Terengganu yang diklasifikasikan sebagai miskin mengikut pecahan daerah dan apakah usaha-usaha yang diambil bagi mengatasinya.

JAWAPAN : Bilangan rakyat Terengganu yang diklasifikasikan sebagai miskin tegar dan miskin mengikut pecahan daerah adalah sebagaimana berikut :-

DAERAH	MISKIN TEGAR	MISKIN
Kuala Terengganu	1367	968
Kemaman	197	116
Dungun	1098	390
Hulu Terengganu	904	393
Besut	2111	588
Setiu	764	346
Marang	991	531
JUMLAH	7432	3343

NOTA

- : Miskin Tegar - Pendapatan RM264.5 @ 4.6 Orang AIR
Miskin - Pendapatan RM529 @ 4.6 Orang AIR

Usaha yang telah diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah tersebut ialah melalui peningkatan pendapatan menerusi aktiviti pertanian, perikanan, penternakan dan juga melalui perniagaan secara kecil-kecilan. Selain itu ahli isi rumah (AIR) turut diberikan latihan secara vokasional terutama bagi membantu masalah anak-anak yang tercicir dalam pelajaran.

Bantuan baiki/bina rumah turut disediakan bagi memberi keselesaan hidup.

Bagi membuka minda rakyat termiskin di negeri ini, kursus-kursus dalam bentuk perubahan sikap turut diberikan untuk memberikan kesedaran minda yang berterusan bagi memajukan diri setaraf dengan golongan-golongan yang lain dan mampu untuk keluar daripada belunggu kemiskinan.

Selain itu bagi rakyat miskin yang tidak produktif seperti kurang upaya, tua dan golongan ibu tunggal, bantuan bulanan turut disalurkan bagi meringankan bebanan keluarga. Secara terperinci bentuk dan agensi yang menyalurkan bantuan adalah sebagaimana di bawah :-

JENIS BANTUAN	AGENSI				
	AIM	PPRT	YPKT	JKM	MAIDAM
Bantuan Bulanan		√	√	√	√
Bantuan Berkala			√	√	√
Pembaikan/ pembinaan Semula rumah		√		√	√
Penempatan Semula		√		√	
Makanan Tambahan		√	√		
Pendidikan Pra Sekolah		√		√	
Bantuan Pendidikan			√	√	√
Pinjaman Modal Projek Ekonomi	√		√		
Geran Modal Projek		√		√	√
Latihan Kemahiran		√	√	√	

- SOALAN 5 : Pada Sidang Dewan yang lalu, saya membangkitkan mengenai perlunya Pembangunan Kerteh sebagai Pusat Petroleum terkenal di negeri ini.
- i) Sejauh manakah tindakan yang diambil Kerajaan Negeri terhadap perkara tersebut dan apakah ianya dimasukkan dalam Pelan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Terengganu.

- ii) Apakah Rancangan Pembangunan yang sedang dirangka Kerajaan Negeri di kawasan berkenaan.
- iii) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di kawasan berkenaan.

JAWAPAN

- : i. Pelan Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu (2004 – 2008) telah memberi penekanan untuk mewujudkan Pembangunan Bandar Baru Bersepadu di Koridor Pembangunan Petrokimia Paka – Cukai. Kerteh yang terletak di koridor ini akan diberi tumpuan sebagai bandar berkesinambungan dari apa telah dilaksanakan sebelumnya.
- ii. Dalam perancangan membangunkan bandar Kerteh dan pembangunan disepanjang koridor petrokimia ini, penekanan kepada asas-asas ekonomi akan diberi perhatian sepenuhnya dengan melibatkan industri hiliran bagi petrokimia. Penumpuan juga akan diberi di bawah sektor Industri Kecil dan Sederhana di mana penglibatan penduduk tempatan dijangka dapat dipertingkatkan.
- iii. Langkah-langkah dalam memberi dan membuka peluang dalam aktiviti sebagaimana dinyatakan di atas serta membangunkan Bandar Baru di kawasan ini secara bersepadu dijangka akan membuka peluang-peluang pekerjaan secara terus kepada orang ramai khususnya di kawasan berkaitan.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 12 OKTOBER 2004

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1 (b)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : Apakah perancangan yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi memajukan lagi Kawasan Perindustrian Petroleum di Kerteh. Sila nyatakan projek-projek baru yang diwujudkan.

JAWAPAN : Di samping perancangan pembangunan di Kawasan Perindustrian Kerteh (milik Petronas), kerajaan akan meneruskan perancangan pembangunan di kawasan yang dikenali sebagai Lot Q, seluas kira-kira 400 hektar yang telah direzabkan untuk penempatan kilang-kilang baru nanti. Kawasan seluas lebihkurang 80 hektar di Bukit Labuhan, Kerteh juga atelah diluluskan kepada pihak swasta untuk pembangunan IKS Petrokimia. Perbincangan akan diadakan dengan Petronas dan juga syarikat-syarikat petrokimia lain ke arah itu.

Sepanjang tahun 2000 – 2003, tiada projek-projek baru yang diwujudkan di Kawasan Perindustrian Kerteh.

Tahun 2004 – Kerajaan sedang berunding dengan beberapa syarikat antarabangsa yang menunjukkan minat untuk datang melabur dan menempatkan kilang-kilang di Terengganu ini, termasuk di Kerteh.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat sejak April 2004 hingga kini.

JAWAPAN : a. Jumlah pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat sejak April 2004 hingga kini ialah sebanyak RM27,590,417.00.

Pinjaman yang diberi adalah sebagaimana berikut :-

(i)	Projek Bekalan Air	-	RM13,131,257.00
(ii)	Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	-	RM14,459,160.00
	JUMLAH	-	<u>RM27,590,417.00</u>

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 12 OKTOBER 2004

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1 (c)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Sejauh manakah Kerajaan Negeri Terengganu sedang dan telah merancang ke arah mempertingkatkan kebersihan serta keceriaan masjid-masjid seluruh Terengganu.

JAWAPAN : i. Pihak Jabatan telah mewujudkan gred dan tahap-tahap kebersihan serta keceriaan masjid setiap 3 bulan sekali.

ii. Mengadakan gotong royong membersihkan masjid sempena bulan-bulan Kebesaran Islam, sekurang-kurangnya 4 kali setahun.

iii. Mengeluarkan surat pekeliling arahan kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Masjid supaya menjaga kebersihan dan keceriaan masjid.

iv. Mulai tahun 2005, pihak Jabatan akan menswastakan kerja-kerja membersihkan tandas masjid kerajaan dan masjid yang terletak di laluan utama jalanraya.

v. Mengadakan kursus dan seminar untuk mempertingkatkan kesedaran Jawatankuasa Masjid dan Pegawai Masjid mengenai betapa pentingnya menjaga kebersihan masjid.

SOALAN 2 : Saya mohon penjelasan mengenai pemilik sah tanah sebanyak 2 Lot (PT 8363 – 2600 meter persegi & PT 8364 – 38,445 meter persegi) di Kampung Batu 24, Jalan Kuala Berang yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 6 Mac 2002 ?

JAWAPAN : Pemilik yang sah bagi dua (2) lot tanah iaitu HS(D) 841 PT 8363 seluas 2600 meter persegi dan HS(D) 842 PT 8364 seluas 38,445 meter persegi dimiliki bersama :-

a. Abidin bin A. Samad
No. K.P. : 560527-11-5329
60.A, Kampung Temir
Kuala Terengganu

b. Ismail bin Osman
No. K.P : 580428-02-5529
466, Jalan Besar
Kuala Berang

Tempoh Pajakan diluluskan adalah selama 99 tahun iaitu sehingga tahun 2101 dengan syarat didirikan bangunan-bangunan Pusat Tarbiyyah/Pendidikan dan lain-lain bangunan berkaitan dengannya.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 12 OKTOBER 2004

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1 (d)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Mengapakan jawatan Pengarah Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) belum lagi diisi sehingga kini ?

JAWAPAN : Pengarah KUSZA masih belum lagi diisi sehingga kini kerana calon yang dikehendaki dan sesuai dengan KUSZA belum diperolehi. Sementara itu Kerajaan Negeri sedang menunggu keputusan status KUSZA daripada Kerajaan Pusat. Pelantikan akan dibuat setelah tiba waktunya.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah pungutan zakat yang berjaya dipungut oleh pihak MAIDAM sepanjang bulan April hingga September 2004 dan perbandingan jumlah yang diperolehi dalam tempoh yang sama pada tahun 2003 yang lalu ?

JAWAPAN : Jumlah pungutan zakat yang berjaya dipungut oleh pihak MAIDAM sepanjang bulan April hingga September 2004 ialah RM5,950,521.78. Perbandingan jumlah yang diperolehi dalam tempoh yang sama pada tahun 2003 yang lalu ialah RM7,129,530.86.

SOALAN 3 : Adakan benar dakwaan bahawa kerajaan akan menutup Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) di negeri ini ?

JAWAPAN : Sehingga kini pihak Kerajaan sedang menunggu keputusan kajian oleh pihak KUSTEM sama ada akan menutup atau diteruskan.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 12 OKTOBER 2004

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1 (e)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS
WAKIL LANGKAP

SOALAN 1

Dengan penekanan kerajaan kepada pertanian di akhir-akhir ini, berapa banyakkah syarikat-syarikat swasta yang telah memohon tanah kerajaan.

- a. Sila nyatakan luas tanah yang dipohon mengikut daerah.
- b. Jenis tanaman yang hendak diusahakan.
- c. Apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk memastikan syarikat berkenaan benar-benar melaksanakan projek yang dicadangkan.
- d. Apakah peluang orang tempatan untuk terlibat sama dalam projek berkenaan.

JAWAPAN

- : a. Sehingga 30 September 2004 sebanyak 19 permohonan melibatkan sejumlah 22,216 hektar tanah telah dipohon oleh syarikat-syarikat swasta sejak pemerintahan baru mengambilalih kuasa pada akhir Mac 2004.

Kelulusan tanah yang dipohon mengikut daerah adalah sebagaimana berikut :-

- i. Marang - 976 hektar
(2 permohonan)
 - ii. H.Terengganu - 822 hektar
(3 permohonan)
 - iii. K.Terengganu - 7,909 hektar
(4 permohonan)
 - iv. Dungun - 9,250 hektar
(6 permohonan)
 - v. Setiu - 4,259 hektar
(4 permohonan)
 - vi. Besut - Tiada
 - Vii. Kemaman - Tiada
- b. Jenis-jenis tanaman yang hendak diusahakan adalah sebagaimana berikut :-
- i. Kelapa Sawit (15,372 hektar)
 - ii. Pertanian Campuran (7,622 hektar)
 - iii. Padi (222 hektar)
- c. Tiada kelulusan baru untuk projek pertanian diluluskan setakat ini oleh pemerintahan baru. Bagi memastikan syarikat berkenaan benar-benar melaksanakan projek dicadangkan. Kerajaan akan menimbang kelulusan tanah kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu bagi keluasan yang melebihi 40 hektar. Kerajaan Negeri juga akan meluluskan tanah secara Lesen Menduduki Sementara (LMS/TOL) bagi memastikan pemaju benar-benar memajukan tanah yang telah diluluskan.
- d. Orang tempatan boleh terlibat sama dengan projek-projek yang diluluskan dengan cara berikut :-

- i. Menjadi rakan kongsi kepada pemaju – jika ada modal.
- ii. Menjadi pekerja kepada pemaju di peringkat pengurusan, pentadbiran dan ladang mengikut kekosongan.
- iii. Memanfaatkan projek dengan membekalkan keperluan yang berkaitan seperti pengangkutan, kedai makan, peruncitan dan sebagainya.

SOALAN 2 : Kerajaan telah membuka banyak dusun-dusun kelompok yang dibahagikan kepada penduduk tempatan dan ditanam dengan pelbagai tanaman kekal. Apakah jenis tanaman yang paling berpotensi dan memberi hasil yang paling baik. Apakah masalahnya kalau tanaman tersebut hendak diperluaskan.

JAWAPAN : Kerajaan telah banyak membuka dusun-dusun kelompok yang dibahagikan kepada penduduk tempatan dan ditanam dengan pelbagai tanaman kekal. Namun begitu kaedah pengurusan projek ini perlu dipertingkatkan terutama aspek pengurusan secara berpusat yang mana perlu dijalankan di peringkat awal lagi dan dibantu oleh agensi-agensi kerajaan.

Pada masa ini dalam konteks tanaman makanan, tanaman limau masih dirasakan sebagai tanaman yang paling tinggi mempunyai potensi. Walau bagaimanapun, tanaman ini memerlukan pengurusan penjagaan yang tinggi lagi rapi dan melibatkan modal pelaburan yang besar.

Masalah utama yang dihadapi oleh industri ini ialah mengenai masalah penyakit "citrus greening". Sungguhpun begitu jika kawalan sumber penyakit (inoculum) dan pembawa (vektor) penyakit dibuat secara bersungguh-sungguh dan bersepadu. Insya Allah ianya boleh ditangani dengan berkesan. Pada masa ini, Jabatan Pertanian sedang berusaha membiak pokok mata tunas yang bebas dari penyakit "citrus greening" yang boleh dijadikan sebagai baka induk.

Lain-lain tanaman makanan yang mempunyai potensi ialah seperti tembikai, nenas, betik dan longan. Walau bagaimanapun ianya mestilah diusahakan mengikut skala yang optima dan diuruskan secara sistematik.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 12 OKTOBER 2004

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1 (f)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

- SOALAN 1 : Apakah sebab bayaran pergerakan kenaikan tahunan gaji guru-guru sekolah di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) sehingga bulan September 2004 masih tidak dibayar.
- JAWAPAN : Sebab bayaran pergerakan kenaikan tahunan gaji guru-guru sekolah di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) sehingga bulan September 2004 masih tidak dibayar kerana menunggu keputusan pergerakan gaji lambat diterima kerana ia berkaitan dengan keputusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di dalam Sistem Saraan Malaysia (SSM).
- SOALAN 2 : Apakah status operasi Pusat Perubatan Islam Darul Iman (DIIMC) sehingga kini.
- JAWAPAN : Bergantung kepada Syarikat TDM Berhad sama ada hendak diteruskan ataupun sebaliknya.
- SOALAN 3 : Sila senaraikan program-program rasmi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang diadakan di dalam DUN Kuala Berang sepanjang bulan Ogos 2004 yang lalu.
- JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Sila nyatakan syarat-syarat kelayakan bagi rakyat untuk mendapatkan bantuan “Dana Khas” dan berapakah jumlah peruntukan yang diagihkan untuk tahun ini.

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(c) dan 26 (6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 5 : Berapakah jumlah kos pembinaan replika “Batu Bersurat” di Bulatan Ladang, dan sila nyatakan nama kontraktor yang telah terpilih untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut.

JAWAPAN : Pembinaan “Batu Bersurat” di Bulatan Ladang adalah sumbangan daripada Pihak TDM.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 12 OKTOBER 2004

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1 (g)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

- SOALAN 1 : Berapa banyak kawasan padang ragut baru yang akan dibuka dalam Negeri Terengganu.
- JAWAPAN : Mengikut peruntukan Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu (RPNT) 2004 – 2008, tiada cadangan kawasan baru padang ragut yang akan dibuka dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan baikpulih untuk meningkatkan kualiti tanaman rumput untuk sebanyak 48 kawasan padang ragut yang telah dibangunkan di seluruh Negeri Terengganu akan diberi peruntukan bagi tempoh lima (5) tahun yang tersebut.
- SOALAN 2 : Berapa banyak padang ragut semasa 4 tahun lepas yang telah dibahagikan kepada orang ramai.
- JAWAPAN : Tidak ada padang ragut yang diberikan kepada orang ramai dalam tempoh 4 tahun lepas. Sebanyak 6 buah padang ragut telah dikenalpasti dimajukan sebagai layout tapak rumah. Manakala 4 buah syarikat yang telah menunjukkan prestasi yang memuaskan telah menandatangani perjanjian dengan Kerajaan, kelulusan penswastan padang ragut ini telah diluluskan sejak 1998 lagi.

SOALAN 3 : Adakah Kerajaan Terengganu bercadang menghapuskan tanaman tembakau dan diganti dengan tanaman lain.

JAWAPAN : Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang menghapuskan tanaman tembakau secara sekaligus, kerana didapati tanaman ini masih mampu menjana pendapatan petani-petani tempatan.

Walau bagaimanapun, pembukaan kawasan baru bagi tujuan ini akan dihadkan dan kurang digalakkan. Pada masa ini, petani-petani tembakau sedang diperkenalkan dengan kaedah penanaman secara sekaligus dan integrasi dengan tanaman-tanaman lain seperti keledek, jagung dan sebagainya.

Perancangan bagi gantian tanaman tembakau dengan tanaman lain, sedang digalakkan secara tersusun setelah wujudkan industri hiliran tanaman makanan yang boleh menjadi pemangkin kepada permintaan pasaran.

SOALAN 4 : Apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan Institusi masjid di Negeri Terengganu dan berapakah jumlah masjid yang akan dibina baru dalam Negeri Terengganu.

JAWAPAN : Langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan Institusi Masjid ialah dengan :-

- i. Menaiktaraf masjid mukim kepada masjid kerajaan.
- ii. Menambahkan pegawai-pegawai masjid yang berijazah.
- iii. Menaikkan elaun pegawai masjid.
- iv. Mengadakan kursus-kursus dan seminar kesedaran kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Masjid.

SOALAN 5 : Apakah tindakan kerajaan terhadap kumpulan yang mendirikan sembahyang jumaat di tempat yang tidak diwartakan oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN : Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama sentiasa membuat pemantauan serta sedang memikirkan satu formula/kaedah yang terbaik. Jika keadaan lebih buruk berlaku, tindakan undang-undang akan diambil.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 12 OKTOBER 2004

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1 (h)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

SOALAN 1 : Apakah langkah-langkah kerajaan sekarang bagi mengatasi masalah pengangguran terutama daripada lepasan IPTA dan IPTS bagi anak Negeri Terengganu untuk diberikan peluang pekerjaan dalam Sektor Perkhidmatan Awam di Negeri Terengganu ?

JAWAPAN : Peluang pekerjaan bagi lepasan IPTA dan IPTS dalam Sektor Perkhidmatan Awam adalah terhad. Pengambilan kakitangan dalam Sektor Perkhidmatan Awam adalah bergantung kepada kekosongan dan setelah mendapat kelulusan dari Jabatan Perkhidmatan Awam.

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah pengangguran terutama daripada lepasan IPTA dan IPTS bagi anak Negeri Terengganu dengan menyediakan prasarana fizikal ekonomi bagi mempercepatkan proses perindustrian di Negeri Terengganu. Selain itu usaha-usaha promosi pelaburan secara berterusan untuk menarik lebih ramai pelabur ke negeri ini turut diadakan sama ada di dalam atau luar negeri, menerusi misi perdagangan ataupun ekspo yang diadakan.

Meskipun demikian tumpuan tidak hanya dibuka kepada FDI semata-mata, sebaliknya pelaburan domestik turut difokuskan terutamanya dalam bidang IKS yang semakin berkembang maju dewasa ini.

Pendekatan ini secara tidak langsung meningkatkan pelaburan di negeri ini sekaligus menyediakan peluang pekerjaan kepada lepasan Institusi Pengajian Tinggi dan kemahiran milik Kerajaan Negeri.

SOALAN 2 : Apakah langkah-langkah Kerajaan Tempatan Negeri Terengganu untuk menangani masalah ternakan yang dibiarkan berkeliaran di kampung-kampung yang menyebabkan masalah gangguan lalulintas dan pencemaran sekitar ?

JAWAPAN : Kerajaan dari masa kesemasa telah mengeluarkan arahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan supaya mengambil tindakan penguatkuasaan bagi menangani masalah gangguan lalulintas dan pencemaran sekitar akibat daripada binatang ternakan yang berkeliaran. Setiap Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai Undang-Undang Kecilnya sendiri bagi menangani masalah kacau ganggu.

Faint, illegible text at the top of the page, possibly bleed-through from the reverse side.

Second block of faint, illegible text.

Third block of faint, illegible text.